


التَّبْيَانُ  
فِي تَفْسِيرِ الْقُرْآنِ

**AT TIBYAN**

DALAM MENTAFSIRKAN  
AL-QUR'AN

**SURAH  
AL HASYR  
(PENGURISAN)**

HAJI ABDUL HADI AWANG



001

BT4

**AT TIBYAN**  
**DALAM MENTAFSIRKAN**  
**AL-QUR'AN**


**OLEH**

**ABDUL HADI BIN AWANG**

**SURAH AL HASYR**  
**(PENGUSIRAN)**

DISUNTING DAN DISUSUN OLEH  
UNIT PENERBITAN  
LUJNAH TARBIYYAH DAN  
LATIHAN KEPIMPINAN PAS  
PUSAT, MALAYSIA

ARKIB  
PUSTAKA PERMATA UMMAN



AT TIBYAL  
 DILAH MENTAPREKA  
 AL-QUR'AN

OLEH

ABDUL HADI BIN AWANG

PUTRA AL HAZYR  
 (PENJURUAN)

DISETUJUI DAN DISYUJUKAN  
 UNTUK PERBITAN  
 PUSAT KEMENTERIAN  
 KEMENTERIAN KEMAJLISAN  
 TINGGI MALAYSIA

PUSTAKA PERMATA UMMAH  
 ARKIB

**AT TIBYAN**  
**DALAM MENTAFSIRKAN**  
**AL-QURAN**

Hak Penerbit dan Pencipta Terpelihara  
Apa-apa bahagian dalam buku ini tidak  
boleh diterbitkan dan sebagainya tanpa  
keizinan daripada pihak kami.

**CETAKAN PERTAMA 1993**

Diterbitkan oleh

**UNIT PENERBITAN**  
**LUJNAH TARBIYYAH DAN**  
**LATIHANKEPIMPINAN**  
**PAS PUSAT**

**HARGA SEMENANJUNG RM5.50**

BIL	ISI KANDUNGAN	M/S
1.	SEPATAH KATA DARI PENULIS	5
2.	MUQADDIMAH	11
3.	AYAT-AYAT AL-QUR'AN DARI 1 HINGGA 8	15
4.	MAKSUD AYAT 1 HINGGA 8	16
5.	HURAIAN AYAT 1 HINGGA 8	19
6.	PENYATAAN MENGENAI HUKUM AL-FAI	40
7.	AYAT-AYAT AL-QUR'AN DARI 9 HINGGA 17	55
8.	MAKSUD AYAT 9 HINGGA 17	56
9.	HURAIAN AYAT 9 HINGGA 17	59
10.	AYAT-AYAT AL-QUR'AN DARI 18 HINGGA 24	87
11.	MAKSUD AYAT 18 HINGGA 24	88
12.	HURAIAN AYAT 18 HINGGA 24	90

## SEPATAH KATA DARI PENULIS

Terasa berat dan menggerunkan untuk menulis tafsir Al-Qur'anul Karim, kerana ia adalah kitab ALLah dan kalimahNya yang maha suci daripada segala sifat kekurangan. Sekiranya diturunkan kepada bukit-bukau dan gunung-ganang nescaya khusyu' dan menjadi retak lantaran kehebatan dan kebesarannya dan manusia yang menafsirkannya tidak akan mampu menggali segala hakikat dan menghuraikannya walaupun dikerahkan segala tenaga dan disumbangkan segala bahan. Tetapi menyampaikannya dan menghuraikannya supaya difahami tetap menjadi kewajipan. Demikianlah betapa beratnya berada di dua persimpangan ini.

Oleh kerana terlalu banyak masalah-masalah disamping masalah yang sedia ada memerlukan petunjuk Al-Qur'an dan menghuraikannya supaya ia difahami maka saya tampil ke hadapan dengan memohon pertolongan ALLah supaya mengikhlaskan hati dan 'amalan serta diberi 'ilmu dan ber'amal dengan 'ilmu bagi menyatakan 'ilmu yang ternyata dan tersirat daripada kitab mukjizat ini disamping bersedia menerima tambahan dan pembedulan daripada muslimin dan muslimat khususnya dalam menunaikan kewajipan menyatakan Islam daripada sumbernya yang asal di hadapan manusia yang dilanda oleh keruntuhan agama-agama dan ideologi-ideologi yang tiada kena mengena dengan deen-ALLah.

Dalam menafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an saya berpandukan kepada ayat-ayat Al-Qur'an yang menafsirkannya, disamping hadith-hadith Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, tafsir para ulama salaf dan khalaf disamping mengaitkannya dengan beberapa isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam zaman kini, supaya mereka peka dengan keadaan mereka dan peranan mereka sebagai umat yang mendapat petunjuk dan cahaya di tengah manusia yang sedang mencari kebenaran atau menentang kebenaran dan sesungguhnya kebenaran itu hanya dari Allah yang tidak boleh diragukan lagi.

Mudah-mudahan sumbangan ini dikurniakan ikhlas, dijauhkan riya', 'ujub dan shum'ah. Seterusnya menjadi 'ilmu yang memberi manfa'at dan diambil manfa'at yang berterusan, yang menjadi teman ketika berseorangan di kubur dan keberkatan untuk kedua ibubapa, keluarga dan guru-guruku yang dikasihi. Amin.

**Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.**

## سُورَةُ الْحَشْرِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ  
 الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ  
 لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَّتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَا نَعْتَهُمْ  
 حُصُونَهُمْ مِنْ اللَّهِ فَأَنَّهُمْ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَدَفَ  
 فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ يُخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ  
 فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ لَوْ لَا أَنْ كُنِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ  
 الْجُلَاءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَمَنْ يُشَاقِ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ  
 الْعِقَابِ ﴿٦٦﴾ مَا قَطَعْتُمْ مِنْ لَيْنَةٍ أَوْ تَرَكْتُمْ مِنْهَا قَائِمَةً  
 عَلَى أَصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيُخْرِىَ الْفَاسِقِينَ ﴿٦٧﴾ وَمَا آفَاءَ اللَّهِ  
 عَلَى رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ  
 وَلَكِنَّ اللَّهَ يُسَلِّطُ رَسُولَهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
 قَدِيرٌ ﴿٦٨﴾ مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَاللرَّسُولِ  
 وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ  
 دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ فَاخْذُوهُ وَمَا  
 نَهَيْكُمْ عَنْهُ فَأْتُوهُ وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٦٩﴾  
 لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالُهُمْ  
 يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ  
 هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٧٠﴾ وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ  
 يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً  
 مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْتُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ  
 وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٧١﴾

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا  
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا  
غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠١﴾ أَلَمْ تَرَ إِلَى  
الَّذِينَ نَافَقُوا يَقُولُونَ لِإِخْوَانِهِمُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ  
الْكِتَابِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُطِيعُ فِيكُمْ  
أَحَدًا أَبَدًا وَإِنْ قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَاللَّهُ شَهِيدٌ لِمَآ تَعْمَلُونَ  
﴿١٠٢﴾ لَئِنْ أُخْرِجُوا لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِنْ قُوتِلُوا لَا يَنْصُرُونَهُمْ  
وَلَئِنْ نَصَرُوهُمْ لَيُوَلُّنَّ الْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يَنْصُرُونَ ﴿١٠٣﴾  
لَأَنْتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِي صُدُورِهِمْ مِنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ  
لَا يَفْقَهُونَ ﴿١٠٤﴾ لَا يَقْنَلُوكُمْ جَمِيعًا الْآلِ فِي فُرَى  
مُحَصَّنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ بَأْسُهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ  
جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٠٥﴾  
كَمَثَلِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَرِيبًا ذَاقُوا وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ  
أَلِيمٌ ﴿١٠٦﴾ كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلْإِنْسَانِ اكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ  
قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِنْكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

فَكَانَ عَاقِبَتُهُمَا أَنَّهُمَا فِي النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَزَاءُ  
الظَّالِمِينَ ﴿١٧﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرَ  
نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ  
﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ  
هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾ لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ  
الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾ لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا  
الْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ  
اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضِرُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ  
﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِيمٌ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِمِّنُ الْعَزِيزُ  
الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ  
﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ  
يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

## MUQADDIMAH

Surah Al Hasyr termasuk dalam surah-surah yang diturunkan di Madinah yang dikenali sebagai surah Madaniah. Menjadi kelaziman di dalam surah ini menyatakan perkara-perkara yang berhubung dengan hukum-hukum syariat seperti undang-undang pentadbiran negara, pertadbiran masyarakat dan lain-lain lagi.

Surah ini dimulakan dengan mengucap tasbih iaitu membesarkan dan memuliakan ALLah Subhanahu wa Ta'ala oleh seluruh makhluk yang diciptakanNya. Semuanya menjadi saksi kepada WahdaniatiLlah ( *وحدانية الله* ) iaitu keEsaan ALLah Ta'ala dan menjadi saksi kepada QudratiLlah ( *قدراته* ) iaitu BerkuasaNya ALLah Ta'ala dan menjadi saksi kepada JalaliLlah ( *جلال الله* ) iaitu Kebesaran dan Kemuliaan ALLah Ta'ala. Mengucap tasbih kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala sama ada dengan lisan seperti manusia atau tidak dengan lisan seperti makhluk-makhluk yang lain.

Kemudian surah ini banyak menyentuh pula mengenai peperangan Bani Nadhir (Bani Nadhir adalah suatu kabilah Yahudi yang berada di Madinah). Bani Nadhir ini telah melanggar perjanjian damai dengan RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Mereka berjanji untuk tidak memeluk agama Islam dan tidak akan berperang dengan RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dan RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam pula tidak memaksa mereka

memeluk Islam, malahan baginda menerima kaum Bani Nadhir menjadi rakyat dalam negara Islam tetapi mereka telah melakukan pengkhianatan terhadap orang-orang Islam yang terdiri daripada sahabat-sahabat radialLahu anhum. Lalu RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam mengerahkan bala tentera Islam melancarkan serangan dan mengepong perkampungan Bani Nadhir. Peristiwa ini berlaku pada bulan Rabiul Awal tahun yang ke 4 hijrah.

Oleh kerana surah ini banyak menceritakan perkara-perkara yang berhubung dengan Bani Nadhir. Maka Ibnu Abbas menamakan surah ini dengan surah Bani Nadhir kerana surah ini berhubung dengan peristiwa Bani Nadhir. Peperangan RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dan para sahabatnya dengan Bani Nadhir dan peristiwa ini mendedahkan pengkhianatan orang-orang munafiq terhadap RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam yang berjuang untuk menegakkan hukum hakam ALLah di muka bumi ini.

Surah ini juga menyebut tentang kekuasaan ALLah Subhanahu wa Ta'ala dalam mengalahkan orang-orang Yahudi. ALLah memberi pertolongan kepada orang-orang yang beriman mengalahkan kaum Bani Nadhir di dalam peperangan secara yang tidak diduga oleh mereka dan tidak dijangka oleh orang-orang yang beriman sendiri.

Surah ini seterusnya menerangkan kepada kita perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang perang, peraturan-peraturan jihad dan menyatakan tentang hukum Al-fai dan ghanimah. Al-fai ialah harta yang dirampas dari orang-orang kafir yang menyerah kalah tanpa melibatkan peperangan dan ghanimah ialah harta yang dirampas dari orang-orang kafir secara perang. Di

dalam membahagikan harta rampasan ini, ALlah Subhanahu wa Ta'ala menyebut berkenaan sifat kasih sayang di antara orang-orang Muhajirrin dan orang-orang Ansar. Orang-orang Ansar yang bersedia memberi pertolongan harta benda dan jiwa raga mereka untuk kesenangan saudara-saudaranya dari kalangan orang Muhajirrin yang berhijrah dari Mekah ke Madinah kerana perintah ALLah Subhanahu wa Ta'ala semata-mata. Semua mereka dari kalangan Muhajirrin dan Ansar adalah golongan yang diredhai oleh ALLah Subhanahu wa Ta'ala dengan ALLah Subhanahu wa Ta'ala mengampunkan dosa-dosa mereka. Oleh kerana itu kita hendaklah memuliakan dan memuji mereka tentang apa-apa yang dilakukan oleh mereka. Kita tidak boleh menghina dan mengeji mereka di atas sebarang kesilapan yang dilakukan. Sebagaimana yang diajarkan oleh ALLah Ta'ala di dalam firmanNya:

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا  
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا  
غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ


**Maksudnya:**

*“Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan kepada saudara-saudara kami yang beriman lebih dahulu daripada kami (termasuk nenek moyang kami dan antara yang terpenting ialah dari kalangan kaum Muhajirrin dan Ansar yang berjasa besar dalam perjuangan untuk menegakkan negara Islam sehingga sampai kepada kita). Wahai Tuhan kami*

***janganlah ada di dalam hati-hati kami ini perasaan yang tidak baik (perasaan hasad dan dengki) terhadap orang-orang yang beriman dan sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Penyayang lagi Maha Pengasihani."***

Akhir sekali surah ini mendedahkan kepada kita tentang kejahatan orang-orang munafiq terhadap golongan Islam dan supaya menjadi pengajaran kepada kita, orang-orang yang beriman kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala.

TAFSIR MULAI AYAT 1 HINGGA 8



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾  
 هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ  
 لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَّتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ  
 حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَنَّهُمْ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَدَفَ  
 فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ يُخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ  
 فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿٢﴾ وَلَوْلَا أَنْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ  
 الْجَلَاءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ ﴿٣﴾  
 ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ  
 الْعِقَابِ ﴿٤﴾ مَا قَطَعْتُمْ مِنْ لَيْنَةٍ أَوْ تَرَكْتُمْهَا قَائِمَةً  
 عَلَى أَصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيُخْرِىَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾ وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ  
 عَلَى رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ  
 وَلَكِنَّ اللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ ﴿٦﴾ مَا آفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ  
 وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ  
 دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا  
 نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾  
 لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ  
 يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَٰئِكَ  
 هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾

### MAKSUD AYAT

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani.*

1. *Telah bertasbih (mempersucikan, memuliakan dan membesarkan) kepada Allah oleh semua yang ada di langit dan di bumi. Dialah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*
2. *Dialah (Tuhan) yang telah mengeluarkan orang-orang yang kafir dari kalangan ahli kitab, dari rumah-rumah mereka (dari kampung halaman mereka, semenjak awal mereka dikumpulkan) dan mereka dihalau dari tanah Arab pada awalnya lagi (Allah Ta'alalah yang melakukan semua itu). Kamu tiada menyangka (wahai orang-orang yang beriman) bahawa mereka akan keluar (meninggalkan kampung halaman dan rumah-rumah mereka dalam*

*Yahudi) menyangka bahawa kota-kota yang teguh itu boleh dapat melindungi mereka daripada hukuman ALLah. Maka datang kepada mereka (hukuman) dari ALLah (dan 'azab) dari suatu tempat dan arah yang tidak disangka oleh mereka. Dan ALLah Ta'ala mencampakkan ke dalam hati mereka (orang-orang Yahudi) itu perasaan takut (perasaan gementar), mereka itu meroboh (merosakkan) rumah mereka dengan tangan mereka sendiri, dan dengan orang-orang yang beriman. Maka ambillah pengajaran (ambillah ikhtibar) wahai orang-orang yang mempunyai penglihatan (orang yang ada fikiran).*

- 3. Dan kalaulah tidak ALLah Ta'ala menghukumkan kepada mereka keluar dari tanah air mereka (bersama-sama anak isteri mereka). ALLah akan meng'azabkan mereka di dunia, dan bagi mereka di akhirat kelak adalah 'azab neraka.*
- 4. Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka menentang ALLah dan RasulNya. Sesiapa yang menyalahi (yang menentang perintah ALLah dan yang memusuhi Rasul), maka sesungguhnya ALLah sangat hebat (dahsyat) hukumanNya.*
- 5. Apa-apa yang kamu tebang (wahai orang-orang yang beriman) dari pohon-pohon kayu (pohon tamar) mereka ataupun kamu tinggalkan (kamu tidak tebang). Maka (semuanya itu) adalah dengan izin ALLah. Dan tujuannya adalah untuk memberikan kehinaan kepada orang-orang yang fasiq.*

6. *Dan apa-apa yang ALLah Ta'ala berikan daripada harta rampasan kepada RasulNya daripada harta mereka (orang-orang kafir Yahudi Bani Nadhir). Di mana kamu tidaklah memecut kuda dan kamu tidak menaiki kenderaan, tetapi ALLah Ta'ala memberi kemenangan (memberi kekuasaan) kepada Rasul-rasulNya dan menghadapi sesiapa yang Ia kehendaki. Dan ALLah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.*
7. *Apa-apa yang ALLah Ta'ala berikan harta rampasan daripada penduduk negeri. Maka adalah untuk ALLah dan untuk Rasul dan untuk keluarga-keluarga RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dan kepada anak-anak yatim dan kepada orang-orang miskin dan orang yang keputusan belanja di dalam perjalanan, supaya harta benda itu tidak berkisar di kalangan orang-orang yang kaya daripad kamu sahaja. Apa-apa yang RasuluLlah suruh kepada kamu (perintah kepada kamu daripada hukumnya). Maka hendaklah mengambilnya. Dan apa yang dia tegah kepada kamu (supaya jangan melakukannya). Maka tinggalkanlah. Dan bertaqwalah kamu kepada ALLah (takutlah dan gerunlah kamu kepadaNya). Sesungguhnya ALLah itu sangat pedih hukuman siksaannya.*
8. *(Juga) bagi orang fakir yang berhijrah yang diusir dari kampung halaman dan dari harta benda mereka (kerana) mencari kurnia dari ALLah dan keredhaanNya dan mereka menolong ALLah dan RasulNya. Mereka itulah orang-orang yang benar.*

## HURAIAN AYAT

*Dengan Nama ALLah Yang Maha Pemurah lagi  
Maha Pengasihani*

سَبِّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ

**Maksudnya:**

*Telah bertasbih (mempersucikan, memuliakan dan membesarkan) kepada ALLah oleh semua yang ada dilangit dan di bumi.”*

(Al Hasyr : 1)

Di dalam ayat ini menunjukkan bahawa semua makhluk yang ada di langit dan di bumi telah memuji, memulia dan membesarkan ALLah Ta'ala. Semua makhluk yang ada di langit yang terdiri daripada kalangan Malaikat, bulan, bintang, matahari dan lain-lain telah memuji dan memuja ALLah Ta'ala. Begitulah juga dengan semua makhluk yang ada di bumi ini yang terdiri daripada manusia,

binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain lagi telah memuji dan memuja dan mengucapkan tasbih membesarkan ALLah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana yang difirmankan oleh ALLah Ta'ala di dalam surah yang lain:

وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

سُورَةُ الْاِنشِرَاقِ

**Maksudnya;**

***“Dan tidaklah daripada sesuatu melainkan semuanya mengucapkan tasbih, memuji dan memuja ALLah s.w.t. dan membesarkanNya.”***

Firman ALLah Ta'ala lagi:

وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

**Maksudnya;**

***“Dialah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”***

(Al Hasyr : 1)

Maha Perkasa ALLah Ta'ala itu sehingga tiada sesiapaupun yang boleh mengalahkanNya dan Maha Bijaksana ALLah Subhanahu wa Ta'ala di dalam urusanNya, dalam semua kejadian dan ciptaanNya serta dalam hukum hakamNya. Seterusnya ALLah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ  
لِأَوَّلِ الْحَشْرِ

*Maksudnya;*

*“Dialah (Tuhan) yang telah mengeluarkan orang-orang yang kafir dari kalangan ahli kitab, dari rumah-rumah mereka (dari kampung halaman mereka, semenjak awal mereka dikumpulkan) dan mereka dihalau dari tanah Arab pada awalnya lagi (Allah Ta’alalah yang melakukan semua itu).”*

(Al Hasyr : 2)

Ayat ini diturunkan untuk menyatakan berkenaan kaum Bani Nadhir, sebagaimana yang dinyatakan dalam muqaddimah yang terdahulu. Kaum Bani Nadhir ini pada awalnya membuat perjanjian damai dengan Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam dan para sahabatnya.

Perjanjian yang dimeterai itu menjadi lebih erat lagi setelah orang-orang Islam mencapai kemenangan di dalam peperangan Badar. Ini disebabkan mereka (orang-orang Yahudi) bertambah gerun dan takut terhadap kekuatan orang-orang yang beriman. Tetapi apabila orang-orang Islam menerima ujian yang teruk (kekalahan) di dalam peperangan Uhud dengan mengorbankan seramai 70 orang para sahabat radialLlahu anhum sebagai syuhada' (mati syahid). Di samping itu ramai juga yang mendapat luka-luka, termasuklah Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam sendiri.

Dengan peristiwa kekalahan ini menyebabkan Bani Nadhir menjadi angkuh dan sombong serta berani membuat perancangan untuk menentang Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam dan para sahabatnya secara diam-diam. Pemimpin Bani Nadhir Kaab bin Asyraf keluar ke Mekah

bersama-sama dengan 40 orang pengikutnya menemui Abu Sufian (yang menjadi pemimpin Mekah selepas kematian Abu Jahal). Pemergian mereka adalah bagi menyatakan kesediaannya untuk membantu Abu Sufian dalam memerangi Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

Oleh kerana kaum Bani Nadhir ini adalah golongan ahli kitab iaitu orang yang mengetahui tentang kebenaran kitab-kitab yang diturunkan kepada Nabi-nabi yang dahulu seperti Zabur kepada Nabi Dawud, Taurat kepada Nabi Musa dan Injil kepada Nabi Isa 'alaihissalam. Maka dalam pertemuan itu orang-orang musyrikin bertanya kepada mereka: Adakah agama kami yang lebih engkau sukai ataupun agama Muhammad dan sahabatnya? "Siapakah yang betul dan golongan manakah yang betul?. (kami yang betul atau Muhammad yang betul). Lalu mereka menjawab: "Kamulah yang lebih betul (Muhammad tidak betul)." Walaupun mereka mengetahui akan kebenaran Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam yang mendapat wahyu daripada ALLah Subhanahu wa Ta'ala melalui Jibril tetapi mereka sanggup membohonginya.

Setelah berlakunya peristiwa Ahzab, Rasulullah mendapat berita melalui wahyu yang disampaikan oleh Malaikat Jibril mengenai perancangan jahat mereka itu. Lalu Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam bersabda kepada para sahabatnya:

مَنْ لِكَعْبِ بْنِ الْأَشْرَفِ

**Maksudnya:**

**"Siapakah di kalangan kamu yang sanggup membunuh Kaab bin Asyraf."**

Lalu bangun Muhammad bin Maslamah menjawab:”

أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتُحِبُّ أَنْ أَقْتَلَهُ

Maksudnya:

“Saya ya RasuluLlah, adakah engkau menyuruh saya membunuhnya.”

Muhammad bin Maslamah ini adalah rakan yang akrab dengan Kaab bin Asyraf. Beliau bersama-sama dengan beberapa orang sahabatnya termasuklah saudara sesusu kepada Kaab bin Asyraf sendiri yang masuk Islam sanggup membunuhnya. Kaab bin Asyraf bukan sahaja mempunyai hubungan dengan orang musyirikin. Malah mulut dan lidahnya terlalu jahat dengan mengupah ahli-ahli syair bagi mencela RasuluLlah SallaLlahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan kaum muslimat radialLahu 'ahunna. Maka di atas dasar inilah RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

مَنْ لِكَعْبِ ابْنِ الْأَشْرَفِ

Maksudnya:

“Siapakah di kalangan kamu yang sanggup membunuh Kaab bin Asyraf.”

Lalu Muhammad bin Maslamah berkata:

أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَتُحِبُّ أَنْ أَقْتَلَهُ

**Maksudnya:**

**“Saya wahai RasuluLlah, adakah RasuluLlah menyuruh saya membunuh dia.” Maka RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam berkata: “Ya”.**

Berdasarkan kepada hadith ini menunjukkan kepada kita suatu perbezaan di antara undang-undang Antarabangsa Islam dengan undang-undang Antarabangsa bukan Islam. Mengikut undang-undang Antarabangsa yang bukan Islam adalah menjadi kesalahan bagi sesebuah negara mengisytiharkan untuk membunuh mana-mana pemimpin walaupun pemimpin itu menentang negara yang berkenaan. Tetapi mengikut undang-undang Islam adalah harus sesebuah negara itu mengisytiharkan untuk bertindak terhadap orang-orang yang tertentu sekalipun dengan ucapan membunuh pemimpin tersebut kerana mengikut kaedahnya orang-orang yang tertentu yang menjadi pemimpin itu lebih bahaya daripada rakyat biasa. Oleh itu hal ini menjadi persoalan kepada kita, mengapa rakyat biasa yang melakukan kesalahan boleh dijatuhkan hukuman bunuh tetapi pemimpin tidak boleh dijatuhkan hukuman bunuh? Ini perbezaan yang amat ketara di antara undang-undang Antarabangsa bukan Islam dan undang-undang Antarabangsa Islam.

RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam mengarahkan Muhammad bin Maslamah dan rakan-rakannya pergi di waktu malam iaitu pada malam 14 haribulan Rabiul Awal (ketika bulan sedang mengambang). RasuluLlah menghantar Muhammad bin Maslamah dan rakan-rakannya sehingga sampai ke Baqi’ dan RasuluLlah bersabda kepada mereka:

إِذْهَبُوا بِاسْمِ اللَّهِ يَا رَبِّ انصُرْهُمْ

**Maksudnya:**

**“Pergilah kamu semua di atas nama ALLah, wahai Tuhan bantulah mereka itu.”**

Muhammad bin Maslamah dan bersama-sama rakannya pergi ke kampung Kaab bin Asyraf yang dikelilingi oleh kota yang teguh dan kebal (sekarang ini kota tersebut berada ke arah Quba' iaitu di belakang Masjid Quba', beberapa batu dari sini yang dikenali dengan kota Kaab bin Asyraf).

Setiba di sana Muhammad dan rakan-rakannya memanjat tembok tersebut dan masuk ke dalam rumah Kaab bin Asyraf. Lalu Kaab bin Asyraf ditangkap dan dibawa keluar. Apabila Kaab berada dihadapan Muhammad bin Maslamah, maka beliau terus memancung leher Kaab dengan pedangnya tetapi tidak berjaya kerana Kaab bin Asyraf seorang yang kebal. Maka rakan-rakannya mengambil tindakan dengan membelasah Kaab bin Asyraf secara beramai-ramai sehingga Muhammad bin Maslamah mengambil pisau dan menikam mana-mana tempat yang dapat ditebusinya. Akhirnya Kaab bin Asyraf berjaya juga dibunuhnya. Dengan kematian Kaab bin Asyraf ini menyebabkan hubungan Bani Nadhir dengan kaum muslimin bertambah renggang.

Selain daripada peristiwa kekalahan di dalam peperangan Uhud. Orang Islam juga diselubungi dengan peristiwa 'Arraji' ( ) dan 'Biul Ma'uunah' ( ). Dua peristiwa yang mengorbankan para sahabat radhiaLlahu anhum. Dalam peristiwa 'Arraji', para sahabat keluar untuk meninjau di kawasan yang disekelilinginya,

tiba-tiba mereka diserbu oleh suatu kabilah Arab dan membunuh mereka kesemuanya.

Manakala dalam peristiwa 'Biul Ma'uunah', suatu kabilah Arab telah meminta kepada Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam menghantar kepada mereka sahabat-sahabatnya supaya mengajar Al-Qur'an dan 'ilmu agama. Apabila sahabat-sahabat ini di hantar oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, mereka semua telah ditangkap dan dibunuh serta ada di antaranya yang diserahkan kepada orang-orang musyrikin Mekah dan dijatuhkan hukuman bunuh.

Dua peristiwa ini tidak diketahui oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dan para sahabat melainkan setelah diberitahu oleh Malaikat Jibril 'Alaihissalam. Apabila berita tersebut di terima oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, lalu baginda membaca qunut nazilah supaya Allah Ta'ala menurunkan hukuman dan tindakan yang 'adil ke atas kabilah yang berkenaan.

Di saat-saat orang Islam berdukacita dengan peristiwa yang berlaku itu, maka timbul pula peristiwa penentangan Bani Nadhir. Peristiwa ini didahului dengan suatu kejahatan terbuka yang dirancangkan oleh kaum Bani Nadhir untuk membunuh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

Pada suatu ketika Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam bersama-sama dengan para sahabat pergi ke kampung Bani Nadhir, bertujuan merapatkan lagi hubungan baik dengan Bani Nadhir di atas perjanjian damai dengan orang Islam. Kedatangan Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam juga adalah bertujuan memunggut bayaran di'yat.

Apabila Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam berbincang dengan mereka (Bani Nadhir), mereka menunjukkan sikap yang pura-pura bahawa mereka bersetuju untuk menunaikan apa yang diminta oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Ketika Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam duduk di tepi tembok di celah-celah rumah qabilah Bani Nadhir. Mereka telah membuat suatu perancangan untuk membunuh Rasulullah. Mereka berkata kepada kaumnya:

مَنْ رَجُلٌ مِنْكُمْ يَعْلُو هَذَا الْبَيْتَ فَيُلْقِي عَلَيْهِ صَخْرَةً فَيُرِيحُنَا مِنْهُ.

**Maksudnya:**

”Siapakah yang sanggup menaiki rumah ini, untuk melontar batu ke atas Muhammad supaya kita dapat berihat daripadanya.”

Lalu Umar bin Hajjat bangun untuk melaksanakan pekerjaan itu. Dia lalu memanjat rumah itu untuk melontar batu ke atas Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Pada ketika itu Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam duduk bersama-sama dengan sahabatnya iaitu Abu Bakar, Umar dan Ali RadhiaLlahu 'anhum. Maka datang Malaikat Jibril 'alaihissalam memberitahu niat jahat Bani Nadhir. Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam terus pulang ke Madinah dengan bersendirian dan meninggalkan para sahabat dalam keadaan tertanya-tanya. Apabila sampai di Madinah Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam pun menceritakan tentang rancangan jahat Bani Nadhir ke atas beliau kepada sahabat-sahabatnya.

Apabila terdedahnya kejahatan yang hendak dilakukan oleh kaum Yahudi tersebut. Maka Rasulullah SallaLahu 'Alaihi Wasallam mengumpulkan bala' tentera bagi menyerang Bani Nadhir. Tentera Islam telah melakukan kepongan ke atas Bani Nadhir dalam beberapa hari. Kaum Bani Nadhir tidak melakukan apa-apa tindakan ke atas tentera Islam kerana mereka merasa gerun dan takut dengan kekuatan tentera Islam itu, tambahan pula mereka mempunyai sifat penakut sehingga pada zaman sekarang ini. Mereka hanya berani berperang di balik-balik tembok yang kebal atau senjata musuh tidak sampai ke tempat persembunyian mereka. Maka di saat itulah mereka berani menghadapi musuhnya. Begitu juga pada masa sekarang, mereka hanya berani sekiranya mereka memiliki kereta kebal dan alat-alat kelengkapan perang yang banyak serta moden daripada yang dimiliki oleh pihak yang menentangnya.

RasuluLlah SallaLahu 'Alaihi Wasallam menghantar bala tentera dan mengepong kota Bani Nadhir. Pada permulaannya mereka tidak mahu menyerah kalah, kerana mereka sedang menunggu bantuan daripada Abdullah bin Ubai (Abdullah bin Ubai seorang munafiq yang terkenal) yang pernah menyatakan kesanggupannya untuk menghantarkan bala tentera. Namun begitu bantuan yang dinanti-nantikan itu tidak sampai seperti yang dijanjikan, sebenarnya Abdullah bin Ubai tidak berani berhadapan dengan tentera Islam apabila dia melihat kekuatan tentera Islam. Tentera Islam terus mengepong kota Bani Nadhir sehingga beberapa hari lamanya. Hal ini telah diceritakan sebagaimana firman ALLah Ta'ala:

مَا ظَنَنْتُمْ أَن يَخْرُجُوا

*Maksudnya;*

*“Kamu tiada menyangka (wahai orang-orang yang beriman) bahawa mereka akan keluar (meninggalkan kampung halaman dan rumah-rumah mereka dalam keadaan hina).”*

(Al Hasyr : 2)

Di dalam ayat ini Allah Subhanahu wa Ta’ala memberi pendedahan bahawa setelah mereka dikepong beberapa lama dan bantuan daripada Abdullah bin Ubai tidak juga sampai, akhirnya mereka menyerah kalah dengan begitu sahaja tanpa melakukan sebarang penentangan.

Setengah riwayat mengatakan kepong dilakukan selama 6 hari 6 malam dengan tidak membenarkan makanan masuk ke kota mereka kecuali bekalan yang sedia ada di dalam kota itu sahaja. Setengah riwayat yang lain pula mengatakan selama 15 hari mereka dikepong, barulah mereka menyerah kalah.

Pada permulaannya mereka bertahan dengan menggunakan kebun tamar mereka sebagai penghalangan kepada bala tentera Islam. Lalu Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam dan para sahabat menebang dan membakar kebun mereka. Apabila melihat kebun tamar mereka ditebang maka mereka berkata:

أَنْ يَا مُحَمَّدٌ قَدْ كُنْتَ تَنْهَى عَنِ الْفَسَادِ وَتُعِيبُهُ عَلَى صُنْعِهِ  
فَمَا بَالُ قَطْعِ النَّخِيلِ وَتَحْرِيقِهَا ؟

**Maksudnya:**

**"Mengapakah kamu ini, wahai Muhammad? sanggup (membuat kerja-kerja seperti ini, menebang dan membakar pohon tamar). Sesungguhnya kamu ini adalah seorang yang mengajak orang lain berbuat kebaikan dan meninggalkan perkara yang jahat. Tetapi kenapa kamu pula mengarahkan agar ditebang pohon tamar kami?"**

Tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dan para sahabatnya dijawab oleh ALLah Ta'ala selepas daripada ayat ini.

Mereka menyerah kalah dengan meminta kebenaran agar mereka dapat keluar daripada Madinah pergi ke negeri lain. Permintaan mereka itu diizinkan oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dengan syarat mereka keluar dengan membawa barang-barang keperluan mereka sahaja iaitu sekadar muatan unta dan mereka tidak dibenarkan membawa senjata. Berundur tanpa melawan adalah suatu perkara yang tidak diduga sama sekali oleh orang-orang Islam.

Orang-orang Islam tidak menyangka bahawa mereka akan berperang dengan kaum Bani Nadhir tetapi dengan pertolongan daripada ALLah Subhanahu wa Ta'ala iaitu dengan cara ALLah Ta'ala memasukan perasaan takut ke dalam hati orang-orang Yahudi menyebabkan mereka menyerah diri dengan begitu sahaja. Inilah merupakan suatu cara bagaimana ALLah Ta'ala menolong orang-orang yang beriman di dalam menghadapi sesuatu kesulitan. Kadang-kadang kemenangan itu dengan cara

bertempur dan kadang-kadang kemenangan itu dengan musuh menyerah kalah kepada orang Islam. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وظنوا أنهم مانعتهم حصونهم من الله

*Maksudnya;*

*“Dan mereka itu (orang-orang Yahudi) menyangka bahawa kota-kota yang teguh itu boleh dapat melindungi mereka daripada hukuman ALLah.”*

(Al Hasyr : 2)

Orang-orang Yahudi menyangka bahawa mereka tidak boleh dikalahkan kerana kota mereka kuat dan teguh. Begitu juga dengan orang-orang kafir di zaman sekarang ini seperti Russia, Amerika dan negara-negara lain. Kuasa-kuasa besar dunia menyangkakan bahawa mereka tidak boleh dikalahkan kerana mereka memiliki senjata-senjata yang anggun lagi canggih. Manakala orang-orang Islam pula tidak memiliki persenjataan yang sedemikian rupa, malahan mereka (orang kafir) melihat kehidupan orang-orang Islam tidaklah sehebat dengan kehidupan mereka. Keadaan inilah yang menyebabkan mereka bertambah berani dan kuat.

Tambahan pula orang-orang Islam sendiri tidak menyangka sedikitpun bahawa mereka (orang-orang Yahudi) itu akan dikalahkan dan keluar dengan begitu sahaja. Mereka tidak menyangka bahawa kota mereka yang seteguh dan sekebal itu, tidak dapat menahan mereka daripada hukuman ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

فَأَنزَلْنَا إِلَهُهُم مِّنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا

**Maksudnya:**

***“Maka datang kepada mereka (hukuman) dari ALLah (dan ‘azab) dari suatu tempat dan arah yang tidak disangka oleh mereka.”***

(Al Hasyr : 2)

Mereka tidak menyadari bahawa pertolongan ALLah Ta’ala yang mengalahkan mereka itu boleh datang pada bila-bila masa dan dari berbagai-bagai arah yang tidak diketahui oleh mereka walaupun kota itu teguh dan kuat sekalipun. Pertolongan ALLah boleh datang dari arah sebelah atas, bawah serta boleh datang dari dalam hati mereka sendiri sebagaimana yang difirmankan oleh ALLah Ta’ala;

وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ

**Maksudnya:**

***“Dan ALLah Ta’ala mencampakkan ke dalam hati mereka (orang-orang Yahudi) itu perasaan takut (perasaan gementar).”***

(Al Hasyr : 2)

Sebagaimana yang disebut dalam hadith, iaitu di antara keistimewaan Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam ialah dijadikan Nabi kepada seluruh umat, dibenarkan kepada umatnya bertayammun, dibolehkan bersembahyang di mana-mana tempat, boleh memberi syafa’at kepada umatnya pada hari Qiamat dan juga kepada seluruh manusia pada hari Qiamat. ALLah Subhanahu wa Ta’ala juga memberi pertolongan kepadanya, dengan ALLah meletakkan perasaan takut di

dalam hati musuh dalam jarak sebulan perjalanan.

Itulah di antara keistimewaan yang ALLah Ta'ala berikan kepada Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam sehingga musuh Rasulullah merasa takut dan gerun apabila berhadapan dengan tentera Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Keadaan ini sudah tentu akan menghilangkan semangat dan kekuatan yang ada pada musuh. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

يُخْرِبُونَ بِيوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ

*Maksudnya:*

*“Mereka itu meroboh (merosakkan) rumah mereka dengan tangan mereka sendiri, dan dengan orang-orang yang beriman.”*

(Al Hasyr : 2)

Mengikut setengah riwayat mengatakan bahawa mereka merobohkan rumah mereka sendiri bertujuan supaya orang-orang Islam tidak dapat mengambil manfaat daripada rumah tersebut. Justeru itu mereka merobohkan rumah-rumah mereka pada bahagian dalam sahaja. Apabila tentera-tentera Islam datang memasuki kota mereka, orang-orang Islam tidak menghadapi banyak masalah untuk merobohkan rumah-rumah Bani Nahdir tersebut kerana sebahagian daripada rumahnya telah pun dirobuhkan oleh Bani Nadhir sendiri. Setengah riwayat yang lain pula mengatakan bahawa orang-orang Yahudi ini terkenal dengan kaya dan bersifat bakhil sehingga pelepah korma pun dibawa juga apabila mereka mengundurkan diri daripada tentera Islam. Firman ALLah

Ta'ala lagi:

فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿٢٠٠﴾

*Maksudnya:*

*“Maka ambillah pengajaran (ambillah ikhtibar) wahai orang-orang yang mempunyai penglihatan (orang yang ada fikiran).”*

Orang yang mempunyai pemikiran yang waras, penglihatan yang jelas dan hati yang suci bersih amat perlu mengambil ikhtibar daripada peristiwa itu. ALLah Ta'ala menjatuhkan kaum Bani Nadhir dengan begitu senang dan mudah sahaja iaitu dengan ALLah Ta'ala mencampakkan perasaan takut dan gerun di dalam hati mereka itu apabila mereka berhadapan dengan tentera-tentera Islam.

Keadaan ini berbeza dengan kaum-kaum yang lain yang dibinasakan oleh ALLah seperti yang berlaku ke atas kaum Nabi Nuh 'alaihissalam, di mana ALLah Ta'ala menurunkan banjir yang besar dengan menenggelamkan kaum Nabi Nuh 'alaihissalam. Begitu juga yang berlaku ke atas Fir'aun yang ditenggelamkan oleh ALLah Subhanahu wa Ta'ala ke dalam laut dan juga yang berlaku ke atas Namrud yang mana ALLah Ta'ala mengutuskan seekor nyamuk untuk membinasakannya. Begitulah datangnya pertolongan ALLah Ta'ala, apabila orang-orang Islam itu jujur dan ikhlas keimanannya di dalam perjuangan menegakkan hukum ALLah di atas muka bumi ini. ALLah Ta'ala tetap memberi kemenangan kepada orang-orang yang beriman. Seterusnya ALLah Ta'ala

berfirman:

وَلَوْلَا أَنْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَاءَ لَعَذَّبَهُمْ فِي الدُّنْيَا

**Maksudnya:**

*“Dan kalau tidak ALLah Ta’ala menghukumkan kepada mereka keluar dari tanah air mereka (bersama-sama anak isteri mereka). ALLah akan meng’azabkan mereka di dunia.”*

(Al Hasyr : 3)

Di dalam ayat ini ALLah Ta’ala mengatakan sekiranya mereka tidak dijatuhkan hukuman dengan cara mereka keluar membawa anak isteri dalam keadaan terhina nescaya ALLah Ta’ala akan meng’azabkan mereka dengan ‘azab yang lain. Sebagaimana ALLah Ta’ala menjatuhkan hukuman bunuh ke atas kaum Bani Quraizah. RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada semua lelaki yang baligh dari kalangan mereka. Tindakan yang diambil oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam terhadap mereka kerana kaum Bani Quraizah telah melakukan pengkhianatan yang sangat membahayakan orang-orang Islam.

Adapun Bani Nadhir hanya dihalau dengan begitu sahaja dan mereka tidak dijatuhkan hukuman bunuh. Mereka dibenarkan melarikan diri ke mana sahaja, ada di antara mereka yang pergi ke Syam dan ada juga yang bergabung dengan rakan-rakan mereka di Khaibar. Namun begitu mereka ini akan tetap di siksa oleh ALLah Ta’ala nanti sebagaimana firman ALLah:

وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ ﴿٣﴾

**Maksudnya:**

***“Dan bagi mereka di akhirat nanti ‘azab neraka.”***

(Al Hasyr : 3)

Justeru itu mereka tidak boleh melarikan diri daripada ‘azab ALLah nanti. Ini adalah suatu jaminan daripada ALLah Ta’ala. Selepas daripada ALLah Ta’ala menerangkan sebab-sebab mengapa mereka layak dijatuhkan hukuman di atas dunia ini dan mereka juga akan dimasukkan ke dalam neraka pada hari akhirat kelak. Firman ALLah Ta’ala:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ

**Maksudnya:**

***“Yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka menentang ALLah dan RasulNya.”***

(Al Hasyr : 4)

Oleh kerana mereka ini (Bani Nadhir) menentang ALLah dan RasulNya, maka mereka dikenakan tindakan iaitu mereka dihalau dari kampung halaman mereka dalam keadaan terhina dan mereka akan dimasukkan ke dalam neraka. Ayat ini juga memberi erti iaitu kalau seseorang itu menentang ALLah dan RasulNya, maka sikap sedemikian adalah sama dengan sikap orang-orang Yahudi. Justeru itu kita mestilah mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku ke atas Bani Nadhir tersebut,

kerana mengikut kaedah fiqh:

العِبْرَةُ بِعُمُومِ اللَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبَبِ

**Maksudnya:**

“Pengajaran itu diambil daripada lafaz yang umum bukan dari sebab yang khusus.”

Firman ALLah Ta’ala lagi:

وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٤﴾

**Maksudnya:**

“Sesiapa yang menyalahi (yang menentang perintah ALLah dan yang memusuhi Rasul) . Maka sesungguhnya ALLah sangat hebat (dahsyat) hukumanNya.”

(Al Hasyr : 4)

Hukuman ALLah Subhanahu wa Ta’ala itu sangat dahsyat sebagaimana yang dinyatakan di dalam firman ALLah Ta’ala di dalam surah yang lain:

وَكَذَلِكَ أَخْذُ رَبِّكَ إِذَا أَخَذَ الْقَرْيَةَ وَهِيَ ظَالِمَةٌ إِنَّ أَخْذَهُ

سُورَةُ هُودٍ

أَلِيمٌ شَدِيدٌ ﴿١٠٢﴾

**Maksudnya;**

*“Demikian itulah tindakan Tuhanmu apabila mengambil tindakan kepada sesuatu kampung. Yang kampung itu melakukan kezaliman. Sesungguhnya tindakan ALLah itu sangat pedih.”*

(Hud : 102)

Di antara tindakan yang diambil ke atas Bani Nadhir ialah mereka meninggalkan kampung halaman mereka dalam keadaan sedih dan terhina. Mereka meninggalkan pohon-pohon tamar yang sudah berbuah dan sudah masak. Ada pohon-pohon tamar yang ditebang dan dibakar oleh tentera Islam serta harta benda dan senjata-senjata mereka dirampas. Mengikut riwayat banyaknya harta-harta yang dirampas adalah 50 perisai, 50 topi besi dan 340 bilah pedang.

Kemudian ALLah Ta’ala memberitahu pula tentang peristiwa yang berhubung dengan penebangan pohon kurma dan membakar tanam-tanaman mereka oleh orang-orang Islam. Dalam hal ini mana-mana pohon kayu yang menjadi penghalang untuk melakukan serangan boleh ditebang seperti pohon kurma yang menjadi tempat perlindungan mereka dan kubu mereka. Apabila Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam bertindak demikian, maka mereka (Bani Nadhir) berucap dengan suara yang kuat:

أَنْ يَا مُحَمَّدٌ قَدْ كُنْتَ تَنْهَى عَنِ الْفَسَادِ وَتُعَيِّبُهُ عَلَى صُنْعِهِ  
فَمَا بَالُ قَطْعِ النَّخِيلِ وَتَحْرِيقِهَا ؟

**Maksudnya:**

“Mengapakah kamu ini, wahai Muhammad, sanggup membuat kerja-kerja seperti ini (menebang dan membakar pohon kurma) sedangkan kamu ini seorang yang mengajak orang berbuat baik dan meninggalkan perkara yang jahat tetapi kamu pula yang mengarah agar ditebang pohon-pohon kayu kami.”

Seterusnya Allah Ta'ala memberi jawapan mengenai tindakan Rasulullah SallaLahu 'Alaihi Wasallam menebang dan membakar pohon-pohon kurma Sebagaimana firmanNya:

مَا قَطَعْتُمْ مِنْ لَيْنَةٍ أَوْ تَرَكْتُمْ هَاقِئَةً  
عَلَىٰ أَصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيُخْزِيَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾

*Maksudnya:*

*“Apa-apa yang kamu tebang (wahai orang-orang yang beriman) dari pohon-pohon kayu (pohon tamar) mereka ataupun kamu tinggalkan (kamu tidak tebang). Maka (semuanya itu) adalah dengan izin Allah. Dan tujuannya adalah untuk memberikan kehinaan kepada orang-orang yang fasiq.”*

(Al Hasyr : 5)

Allah Ta'ala mengatakan keizinanNya kepada Rasulullah SallaLahu 'Alaihi Wasallam dan orang-orang yang beriman supaya menebang pohon-pohon kurma itu yang menghalang tentera-tentera Islam di dalam memerangi kaum Bani Nadhir. Seterusnya Allah Ta'ala menerangkan kepada kita tentang hukumAl- Fai iaitu harta yang

dirampas daripada orang-orang kafir tidak dengan cara berperang.

### Penyataan Mengenai Humum Al-Fai

Seterusnya ALLah Ta'ala menyatakan tentang hukum Al-fai. Al-fai ialah harta yang dirampas daripada orang-orang kafir dengan tidak cara berperang. Firman ALLah Ta'ala:

وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ  
عَلَى رَسُولِهِمْ مِمَّا أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ

**Maksudnya:**

***“Dan apa-apa yang ALLah Ta'ala berikan daripada harta rampasan kepada RasulNya daripada harta mereka (orang-orang kafir Yahudi Bani Nadhir). Di mana kamu tidaklah memecut kuda dan kamu tidak menaiki kenderaan.”***

(Al Hasyr : 6)

Biasanya di dalam peperangan mestilah menggunakan kuda dan memecutnya seperti yang berlaku di dalam Peperangan Badar, Peperangan Uhud dan sebagainya. Tetapi di dalam peperangan ini ALLah Ta'ala mengatakan bahawa kamu tidak perlu berpenat lelah dengan memecut kuda atau lain-lain kenderaan tetapi hanya melakukan kepongangan dari luar kota mereka (orang Yahudi) sahaja. Dengan cara demikian pun ALLah Ta'ala tetap memberi

kemenangan kepada orang-orang yang beriman. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وَلَكِنَّ اللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ ﴿٦﴾

*Maksudnya:*

*“Tetapi ALLah Ta'ala memberi kemenangan (memberi kekuasaan) kepada Rasul-rasulNya dan menghadapi sesiapa yang Ia kehendaki. Dan ALLah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

(Al Hasyr : 6)

Di dalam ayat ini, ALLah Ta'ala memberi peringatan kepada kita bahawa ALLah Ta'ala boleh memberi kemenangan kepada Rasul-rasulNya dan kepada pengikut-pengikut Rasul mengikut apa yang dikehendakiNya, sama ada dengan cara berperang ataupun sebaliknya. Firman ALLah Ta'ala lagi.

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ

*Maksudnya:*

*“Apa-apa yang ALLah Ta'ala berikan harta rampasan daripada penduduk negeri. Maka adalah untuk ALLah dan untuk Rasul .*

(Al Hasyr : 7)

Harta benda yang kamu perolehi atau merampas dari kaum Bani Nadhir itu tidak boleh dibawa pulang ke

rumah atau mengikut sesuka hati kamu. Walaupun harta benda itu kepunyaan orang kafir sekalipun. Ini adalah kerana di dalam Islam sudah ada peraturan dan hukum hakam yang berhubung dengan Al-fai dan yang berhubung dengan ghanimah. Oleh itu orang-orang yang beriman adalah dituntut supaya mengetahui dan memahami mengenai hukum tersebut. Di mana ALLah Ta'ala memberi hukuman yang tegas kepada RasulNya sebagaimana yang difirmankan oleh ALLah Ta'ala:

فَاللَّهُ وَالرَّسُولُ

**Maksudnya:**

*“Maka hukumannya terpulang kepada ALLah dan RasulNya SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam (untuk menguruskan harta bendanya bagi masalahat orang-orang Islam).”*

(Al Hasyr : 7)

Harta benda itu hendaklah ditadbirkan oleh negara Islam untuk masalahat bagi orang-orang Islam sama ada untuk pertahanan negara, untuk memberi bantuan, untuk pentadbiran negara dan seumpamanya. Harta rampasan itu di antaranya boleh diberikan sebagaimana yang dinyatakan oleh firman ALLah Subhanahu wa Ta'ala:

وَلِذِي الْقُرْبَىٰ

**Maksudnya;**

*“Untuk keluarga-keluarga RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam”*

(Al Hasyr : 7)

Oleh kerana keluarga Rasulullah tidak boleh menerima zakat dan Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam sendiri tidak membenarkan anak beranak baginda mengambil harta zakat dan sedekah kecuali mengambil hadiah, maka ALLah Subhanahu wa Ta'ala telah memperuntukkan bahagiannya daripada harta rampasan itu.

Kalau seseorang itu datang memberi sesuatu benda kepada Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam dengan menyatakan ini adalah sedekah. Maka Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam mengambil tetapi memberi kepada orang lain. Sekiranya seseorang pergi ke rumah baginda dan menyatakan, ini hadiah, barulah baginda mengambilnya. Ini memberi gambaran kepada kita bahawa Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam tidak menerima sedekah apa lagi kalau harta itu adalah harta zakat. Perkara ini dapat dilihat dalam hidup Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam sepanjang hayatnya.

Mengenai keluarga Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam yang tidak mengambil dan tidak memakan zakat pula. Tersebut dalam suatu riwayat mengatakan bahawa Sayyidina Hassan atau Sayyidina Husein cucu baginda yang masih kecil lagi, duduk dekat Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Pada ketika itu para sahabat sedang mengira atau menyukat buah kurma untuk dibahagikan. Tiba-tiba cucunya (Hassan) mengambil sebiji buah tamar dan memasukkan ke dalam mulutnya. Maka dengan segera Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam menyuruh membuangnya dengan mengatakan bahawa:

لَا نُورِثُ مَا تَرَكْنَاهُ صَدَقَةٌ

**Maksudnya:**

**“Sesungguhnya keluarga kita tidak makan daripada sedekah.”**

Justeru itu Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam tidak membenarkan ahli Bait iaitu di kalangan keluarga baginda memakan harta zakat. Oleh yang demikian ALLah Subhanahu wa Ta’ala memberi kepada mereka (RasuluLlah dan kaum keluarganya) untuk mengambil harta rampasan perang, di antaranya ialah harta fai-i. Di samping itu harta fai-i ini juga diberikan kepada golongan-golongan yang tertentu sebagaimana yang akan dinyatakan dalam firman ALLah yang seterusnya:

وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ

**Maksudnya:**

**“Bagi keluarga Rasulullah (daripada Bani Hasyim dan Bani Abdul Muttalib), dan kepada anak-anak yatim.”**

(Al Hasyr : 7)

Yang ditakrifkan dengan anak yatim itu ialah kanak-kanak yang kematian ayahnya dan belum sampai balighnya lagi. Sekiranya umur seseorang itu 40 tahun dan ayahnya meninggal dunia pada masa itu, maka tidak dinamakan anak yatim lagi kerana dia sudah sampai baligh. Justeru itu kanak-kanak yatim ini boleh mendapat bahagiannya daripada harta Al-Fai tersebut. Firman ALLah Ta’ala lagi:

وَالْمَسْكِينِ

**Maksudnya:**

**“Dan kepada orang-orang miskin.”**

(Al Hasyr : 7)

Pengertian tentang orang-orang miskin pula ialah orang-orang yang tidak cukup keperluan belanjanya untuk sehari. Oleh itu golongan ini juga berhak untuk mendapat bahagiannya daripada harta rampasan itu.

وَأَبْنِ السَّبِيلِ

**Maksudnya;**

**“Dan orang yang keputusan belanja di dalam perjalanan.”**

(Al Hasyr : 7)

Orang-orang yang keputusan belanja di dalam ayat ini ialah orang musafir yang tidak cukup wang untuk pembelanjanya. Mereka ini boleh diberi kepadanya daripada harta Al-fai itu, tetapi bagi ibnu sabil (orang yang berjuang pada jalan ALLah), dia ini akan mendapat harta daripada bahagian zakat, begitu juga bagi orang miskin ada bagi mereka bahagian zakat tetapi anak yatim tidak ada bahagian dalam harta zakat kecuali kalau mereka itu fakir atau miskin.

Kalau sekiranya mereka itu fakir ataupun miskin, bagi mereka sudah tentu ada baginya harta zakat tersebut, tetapi bukannya untuk bahagian anak yatim. Ini adalah kerana terdapat kalangan masyarakat di zaman ini yang memberi zakat kepada anak yatim walaupun anak yatim itu seorang yang kaya, maka mereka itu tidak termasuk di dalam kalangan orang yang boleh menerima zakat kerana mereka dari golongan yang kaya.

Ada pun yang dikhususkan kepada anak yatim, sebagaimana yang disebut dalam ayat di atas ialah harta rampasan perang sahaja. Ini adalah hukum yang berhubung dengan Al-fai. Manakala yang berhubung dengan ghanimah pula sudah diterangkan dalam surah-surah yang lain mengenai hukum hakamnya.

Firman ALLah Subhanahu wa Ta'ala lagi:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

**Maksudnya:**

***“Supaya harta benda itu tidak berkisar di kalangan orang-orang yang kaya daripada kamu sahaja.”***

(Al Hasyr : 7)

Harta Al-Fai itu dibahagikan kepada ALLah, Rasul, kepada kerabat Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, orang-orang miskin dan orang-orang musafir yang keputusan didalam pembelajaran. Tujuan harta rampasan diberikan kepada golongan-golongan yang telah diterangkan di atas supaya hartaitu tidak berkisar atau dikuasai oleh golongan yang kaya sahaja. Sekiranya hukum-hakam ini tidak diputuskan oleh ALLah Ta'ala, sudah barang tentu orang kaya akan menjadi bertambah kaya lagi. Oleh kerana itu apa-apa yang dibahagikan oleh ALLah dan RasulNya hendaklah diterimaoleh orang-orang Islam.

Pada zaman Sayyidina Umar Al-Khattab, pembahagian harta rampasan perang iaitu Al-Fai atau ghanimah dibahagikan kepadagolongan-golongan yang berhak menerimanya dan sebahagiannya dibekukan sebagai harta negara. Lebih-lebih lagi perkara ini berlaku setelah orang-orang berjaya membuka negeri Iraq.

Tindakan Sayyidina Umar ini dipersoalkan oleh bala tentera yang menghendaki dia membahagikan harta rampasan yang banyak itu sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

Tetapi Sayyidina Umar berpendapat sudah banyak negara yang bukan Islam di Semenanjung Tanah Arab telah ditakluki oleh tentera-tentara Islam. Jadi, sekiranya segala harta rampasan perang yang banyak itu dibahagikan juga mengikut kemahuan bala tentera, sudah tentu harta ini tidak dapat dimilik negarakan lagi. Ini kerana tiada lagi harta rampasan perang yang akan diperolehi di masa-masa akan datang. Oleh itu pemerintah perlu mengambil suatu langkah bagi mengekalkan atau membekukan sebahagian daripada harta rampasan perang tersebut untuk dimilik negarakan. Tujuannya supaya orang-orang miskin yang berada di dalam negara tersebut terus terbela. Kemudian Sayyidina Umar membaca ayat-ayat di dalam surah ini.

Maka dengan sebab itu ALLah Ta'ala menentukan hukumanNya agar berlakunya ke'adilan dan kesaksamaan di dalam masyarakat Islam. Justeru itu hukum hakam yang telah diturunkan oleh ALLah Ta'ala ini, sememangnya dapat melahirkan perasaan kasih sayang di antara kaum muslimin. Dengan ini tidak timbul lagi perasaan dengki dan rasa tidak puas hati di dalam pembahagian harta rampasan itu. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

**Maksudnya:**

*“Apa-apa yang Rasulullah suruh kepada kamu (perintah kepadamu daripada hukumnya). Maka hendaklah mengambilnya. Dan apa yang dia tegah kepada kamu (supaya jangan melakukannya). Maka tinggalkanlah.”*

(Al Hasyr : 7)

RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam membahagikan harta Bani Nadhir kepada orang fakir Muhajirin sahaja dan tidak diberikan kepada orang Ansar (orang Madinah yang ada kampung) kecuali kepada dua orang sahaja iaitu Abu Dujanah dan Sahal bin Qhunut kerana dua orang sahabat ini adalah miskin.

Pembahagian harta yang dilakukan oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam itu adalah suatu hukuman yang diputuskan oleh ALLah Subhanahu wa Ta’ala. Abu Dujanah ini seorang sahabat yang terkenal di dalam peperangan Uhud dan juga terkenal sebelum daripada berperang. Kisah Abu Dujanah ini diceritakan sebagaimana yang disabdakan oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam:

مَنْ يَأْخُذْ هَذَا السَّيْفَ بِحَقِّهِ

**Maksudnya:**

*“Siapakah yang sanggup mengambil pedang ini dan menunaikan haknya.”* Sambil RasuluLlah menunjukkan pedang ini kepada para sahabat.

Maka para sahabat berebut-rebut untuk memilikinya. Akhirnya RasuluLlah memanggil Abu Dujanah dan memberi pedang ini kepadanya. Maka Abu Dujanah

berkata: “Adakah RasuluLlah menyuruh saya menetak orang kafir, wahai RasuluLlah. Maka RasuluLlah menjawab: “Ya!” Abu Dujanah bertanya lagi: “Sehingga sampai bengkok pedang ini.” RasuluLlah menjawab lagi: “Ya!, sampai bengkok pedang.”

Abu Dujanah mengambil pedang itu dan berjalan dengan cara yang megah dan sombong. Apabila RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam melihat telatah Abu Dujanah itu, maka RasuluLlah berkata:

إِنَّهَا لَمَشِيَةٌ يَبْغُضُهَا اللَّهُ إِلَّا فِي مِثْلِ هَذَا الْمَوْطِنِ

Maksudnya;

“Sesungguhnya berjalan dengan cara seperti itu dimurkai oleh ALLah kecuali di tempat ini sahaja.”

Yang dimaksudkan di sini, berjalan dengan cara bermegah dan sombong hanya dibenarkan ketika ingin berperang dan menghadapi musuh sahaja. Jadi di dalam peperangan Uhud, Abu Dujanah menjadikan jasadnya sebagai benteng untuk mempertahankan RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam daripada serangan kafir musyirikin Mekah. Peristiwa Peperangan Uhud ini telah mengorbankan 70 orang sahabat sebagai syuhada’.

Pembahagian harta rampasan dari Bani Nadhir yang dilakukan oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam ini tidak menimbulkan perasaan dengki dan irihati sedikit pun oleh orang-orang Ansar, malahan mereka bergembira dan suka hati serta redha di atas urusan RasuluLlah itu.

Di dalam ayat ini ALLah Ta'ala memuji orang-orang fakir dari kalangan kaum Muhajirin kerana sanggup meninggalkan kampung halaman mereka yang dicintai demi untuk perjuangan Islam semata-mata. Seterusnya ALLah Ta'ala memuji pula sahabat-sahabat dari kalangan kaum Ansar yang kasih kepada saudara mereka dari kalangan kaum Muhajirin. Hasil daripada lahirnya perasaan kasih sayang itu menyebabkan orang-orang Ansar tidak berasa kecil hati dan dengki walaupun RasuluLlah memberi harta rampasan dari Bani Nadhir yang banyak itu kepada kaum Muhajirin dan tidak diberikan kepada orang-orang Ansar kecuali dua orang sahaja.

Sikap yang sedemikian itu juga berlaku di dalam beberapa peristiwa yang lain, antaranya peristiwa selepas Pembukaan Mekah. Pada masa itu orang-orang Mekah sudah dapat hidup dengan senang dan agak kaya. Maka dalam suatu peperangan tentera Islam telah memperolehi harta rampasan yang sangat banyak. Maka harta rampasan itu RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam memberi kepada orang-orang yang baru masuk Islam dengan tujuannya untuk menguatkan keIslaman dan keimanan mereka.

Di antaranya RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam berikan kepada kabilah dan ketua yang baru memeluk Islam dengan beberapa ratus ekor unta dan kambing, tetapi kepada orang-orang Ansar, RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam tidak memberinya. Lalu orang-orang Ansar pun bercakap semasa mereka di atas peraturan yang dibuat oleh RasuluLlah sehingga perbualan mereka itu sampai kepada baginda. Maka untuk menyelesaikan perkara ini, RasuluLlah memanggil dan mengumpul mereka pada suatu tempat dan baginda memberi ucapan:

Maksudnya;

“Wahai orang-orang Madinah, orang-orang lain balik ke kampung mereka membawa unta dan kambing yang aku berikan, tetapi kamu balik ke Madinah dengan membawa Rasulullah balik ke kampung kamu. Adakah kamu mahu membawa balik Rasulullah atau kamu mahu membawa unta seperti orang-orang yang lain juga.”

Setelah mereka mendengar segala penjelasan yang diucapkan oleh Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam, lalu mereka menangis dan menyesal di atas perbualan dan perbuatan tersebut. Dalam peristiwa yang sebegitu hebat sekalipun, mereka tidak terasa kecil hati dan dengki, walaupun Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam tidak memberi kepada mereka sedikit pun. Begitulah mulianya perilaku sahabat-sahabat Rasulullah di kalangan kaum Ansar terhadap kasih sayang yang ditunjukkan kepada orang-orang Muhajirin dan Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam. Seterusnya Allah Ta’ala berfirman lagi:

وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

**Maksudnya;**

***"Dan bertaqwalah kamu kepada ALLah (takutlah dan gerunlah kamu kepadaNya). Sesungguhnya ALLah itu sangat pedih hukuman siksaannya."***

(Al Hasyr : 7)

Orang-orang yang beriman mestilah sentiasa bertaqwa kepada ALLah terutamanya dari kalangan orang-orang Ansar dan orang-orang Muhajirin. Mereka diberikan oleh ALLah harta rampasan perang dari kaum Bani Nadhir dan dibahagikan oleh RasuluLLah mengikut hukumnya. Maka sekiranya mereka tidak melakukan sedemikian dan merasa dengki serta khianat terhadap ALLah dan RasulNya. Hendaklah diingatkan sesungguhnya ALLah itu sangat pedih hukuman siksaanya di akhirat nanti.

Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ  
يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

**Maksudnya:**

***"(juga) bagi orang-orang fakir yang berhijrah yang diusir dari kampung halaman dan dari hartabenda mereka (kerana) mencari keredhaan ALLah dan mereka menolong ALLah dan rasulNya."***

(Al Hasyr : 8)

Ayat ini selanjutnya menjelaskan kepada kita mengenai pembahagian harta rampasan perang, selain daripada harta rampasan itu diberikan kepada ALLah dan RasulNya

serta kaum kerabat baginda, juga diberikan kepada orang-orang miskin, anak-anak yatim dan juga kepada orang yang keputusan perbelanjaannya di dalam musafir, orang-orang muhajirin juga berhak menerima harta rampasan perang ini. Mereka (orang-orang muhajirin) berhijrah daripada kampung halaman mereka ke Madinah dengan meninggalkan tanahair yang tercinta, serta segala harta bendanya dan sanak saudara yang dikasihinya demi untuk mencari keredhaan ALLah Subhanahu wa Ta'ala semata-mata. Mereka ini berjuang untuk menegakkan agama ALLah, mereka rela berkorban dan dibuang daerah, mereka keluar negeri dan semua harta benda mereka itu tidak penting baginya, kerana yang lebih penting dan utama bagi mereka ialah kelebihan anugerah dan keredhaan ALLah. Mereka bukan sahaja meninggalkan tanahair yang tercinta malah mereka meninggalkan anak, isteri dan keluarga demi menyahut perintah ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Ada diriwayatkan di dalam Hadith ketika para sahabat yang hendak berhijrah ini, mereka didatangi oleh iblis dan syaitan. Iblis dan syaitan datang dan berkata: "Mengapakah kamu sanggup meninggalkan harta benda kamu, tanahair kamu, anak serta isteri kamu?" Namun semua godaan iblis dan syaitan itu diketepikan dan mereka tetap berhijrah ke Madinah dengan meninggalkan harta benda yang mereka sayangi.

Maka dengan sebab itulah mereka layak menerima sebahagian daripada harta rampasan itu. Malah mereka itulah orang-orang yang benar di dalam menunaikan janjinya terhadap ALLah dan RasulNya SallaLlahu 'Alaihi Wasallam sebahagian firman ALLah Ta'ala.

أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾

**Maksudnya:**

***"Mereka itulah orang-orang yang benar."***

Mereka disebut sebagai orang-orang yang benar, sebab pengorbanan mereka meninggalkan kampung halaman, rumah tangga, sanak saudara dan harta benda adalah kerana iman yang benar serta keyakinan dengan perbuatan. Mereka tidak peduli biar jatuh melarat menjadi miskin sebab yakin bahawa pendirian mereka adalah benar.

TAFSIR MULAI AYAT 9 HINGGA 17

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ  
يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً  
مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ  
وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾  
وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا  
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا  
غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾ أَلَمْ تَرَ إِلَى  
الَّذِينَ نَافَقُوا يَقُولُونَ لِإِخْوَانِهِمُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ  
الْكِتَابِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نَطِيعُ فِيكُمْ  
أَحَدًا أَبَدًا وَإِنْ قُوتِلْتُمْ لَنَنصُرَنَّكُمْ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ  
﴿١١﴾ لَئِنْ أُخْرِجُوا لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِنْ قُوتِلُوا لَا يَنْصُرُونَهُمْ  
وَلَئِنْ نَصَرُوهُمْ لَيُولِيَنَّ الْأَدْبَارَ ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٢﴾  
لَأَنْتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِي صُدُورِهِمْ مِنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ  
لَا يَفْقَهُونَ ﴿١٣﴾ لَا يُقِنُّونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِي قُرَى  
مُحَصَّنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ بَأْسُهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ  
جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾

كَمَثَلِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَرِيبًا ذَاقُوا وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ  
 أَلِيمٌ ﴿١٥﴾ كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلإِنْسَانِ اكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ  
 قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِّنكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾  
 فَكَانَ عَاقِبَتُهُمَا أَنَّهُمَا فِي النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَزَاءُ  
 الظَّالِمِينَ ﴿١٧﴾

#### MAKSUD AYAT

9. *Dan orang-orang yang tinggal di dalam rumah mereka (tinggal di Madinah) , dan beriman sebelum daripada (kedatangan) mereka (Muhajirin). Mereka itu kasih kepada sesiapa yang berhijrah kepada mereka. Dan tidak ada di dalam hati mereka (keinginan) terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (orang-orang Muhajirin), dan mereka itu mengutamakan saudara mereka lebih daripada mereka sendiri, walaupun mereka itu dalam keadaan berhajat. Barangsiapa yang menjaga dirinya daripada kekikiran (bakhil) Maka mereka itulah orang-orang yang berjaya (orang-orang yang mendapat kemenangan).*
10. *Dan orang-orang yang datang kemudian daripada mereka. Mereka itu berkata: "Wahai*

*Tuhan kami, ampunilah kami (ampunilah dosa-dosa kami, kecuaiannya kami dan keterlanjuran kami). Dan kepada saudara-saudara kami yang terdahulu beriman daripada kami. Wahai Tuhan kami janganlah engkau jadikan di dalam hati kami ini perasaan tidak baik terhadap orang-orang yang beriman, wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengasih dan mempunyai rahmat terhadap hambanya.*

*11. Tidakkah engkau tahu (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka daripada orang-orang kafir di antara ahli kitab? Ika sekiranya kamu dihalau dari Madinah ini, kami akan keluar bersama-sama kamu dari Madinah. Dan kami tidak akan ta'at kepada perintah Muhammad, supaya kami memerangi kamu walaupun seorang daripada kami. Dan jika kamu diperangi kami akan menolong kamu. ALLah Ta'ala bersaksi bahawa orang-orang munafiq itu adalah pembohong.*

*12. Jika sekiranya mereka itu dikeluarkan. orang-orang munafiq itu tidak akan keluar mengikut orang-orang Yahudi (kawan mereka). Dan jika sekiranya orang-orang Yahudi itu diperangi, nescaya orang-orang munafiq tidak akan menolong saudara-saudara mereka (orang-orang Yahudi). Kalau sekiranya orang munafiq itu keluar berperang, menolong saudara-saudara mereka (orang-orang Yahudi pun) mereka akan lari bertempiran, kemudian mereka semua tidak diberi pertolongan.*

13. *Sesungguhnya mereka (wahai orang-orang yang beriman) terlebih takut kepada kamu di dalam hati-hati mereka daripada ALLah. Sebabnya mereka itu (orang-orang munafiq) adalah kaum yang tidak faham (kaum yang tidak mengerti).*
14. *Mereka itu tidak memerangi kamu secara berdepan, melainkan di dalam kampung-kampung yang dibenteng ataupun di sebalik tembok. Permusuhan sesama mereka terlalu hebat, kamu menyangka mereka itu bersatu padu. Pada hal hati-hati mereka berpecah. Sebabnya mereka adalah kaum yang tidak ber'aqal.*
15. *Sama seperti orang-orang Yahudi yang dahulu daripada mereka. Mereka itu merasakan keburukan akibat dosa mereka di atas dunia ini. Bagi mereka 'azab yang pedih (pada hari akhirat).*
16. *Bandingan mereka itu samalah seperti (bujukan) syaitan ketika dia berkata kepada manusia: "Kafirlah kamu. Manakala sesudah orang itu menjadi kafir. Aku berlepas diri daripada mu. Sesungguhnya aku takut kepada ALLah, Tuhan sekalian 'alam.*
17. *Maka adalah akibat kedua-duanya tinggal di dalam npi neraka semuanya dan mereka itu kekal di dalamnya. Dan demikian itulah balasan terhadap orang-orang yang zalim.*

## HURAIAN MULAI AYAT 9 HINGGA 17

Dalam ayat pertama yang kita baca iaitu pada permulaan surah ini, menceritakan tentang betapa eratnya hubungan di antara orang-orang Muhajirin dan orang-orang Ansar. Walaupun Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam hanya memberikan harta rampasan daripada Bani Nahdir itu kepada orang-orang Muhajirin dan tidak diberikan kepada orang-orang Ansar kecuali dua orang sahaja. Namun orang-orang Ansar tidak merasa dengki dan iri hati dalam perkara ini.

*Ansar  
sahaja  
dijajah  
sfs  
Ahmad*

Begitulah eratnya perhubungan di antara mereka sehingga ALLah Ta'ala memuji golongan Ansar dan golongan Muhajirin ini. Pujian yang diberikan kepada golongan Muhajirin kerana mereka sanggup berhijrah meninggalkan negeri Mekah, harta benda dan seumpamanya sebagaimana yang diumpamakan oleh kita, berpindah dengan tinggal sehelai sepinggang sahaja.

Dengan meninggalkan harta benda yang dikasihi kerana agama, dan perjuangan untuk menegakkan agama ALLah Subhanahu wa Ta'ala di muka bumi ini, mereka mendapat keredhaan daripada ALLah sebagaimana mereka redha kepada ALLah dan RasulNya SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

Dalam ayat ini ALLah Ta'ala memuji orang-orang Ansar sebagaimana firmanNya:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا

**Maksudnya:**

*“Dan orang-orang yang tinggal di dalam rumah mereka (tinggal di Madinah).”*

(Al Hasyr : 9)

Maksud tinggal di dalam rumah mereka ialah mereka menjadikan Madinah sebagai tempat tinggal dan tempat menetap mereka sejak dari asal mereka dilahirkan. Firman ALLah Ta’ala lagi:

وَالْأَيْمَنَ مِنْ قَبْلِهِمْ

**Maksudnya:**

*“Dan beriman sebelum daripada (kedatangan) mereka (Muhajirin).”*

(Al Hasyr : 9)

Maknanya beriman sebelum daripada kedatangan orang-orang Muhajirin ke Madinah, bukannya beriman sebelum daripada Muhajirin. Ini kerana orang-orang Muhajirin beriman lebih dahulu daripada orang-orang Ansar. Orang-orang yang pertama beriman di awal perkembangan Islam ialah Sayyidina Khadijah radialLahu anha, Abu Bakar Al-Siddiq, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harithah dan lain-lain lagi yang disebut dengan Assabiqunal-AwWalun ( )-orang-orang yang pertama beriman.

Yang dimaksudkan beriman sebelum daripada mereka juga ialah orang-orang Madinah telah beriman sebelum

kedatangan orang-orang Muhajirin ke Madinah. Mereka telah beriman dan telahpun berba'iah sebanyak dua kali dengan Rasulullah SallaLahu 'Alaihi Wasallam bagi menyatakan kesediaan mereka untuk menegakkan Islam dan berkorban apa saja. Mereka beri'tikad beriman dengan penuh ikhlas dan dengan sebenar-benar beriman. Seterusnya ALlah Subhanahu wa Ta'ala berfirman lagi:

يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ

**Maksudnya:**

*"Mereka itu kasih kepada sesiapa yang berhijrah kepada mereka."*

(Al Hasyr : 9)

Yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah untuk menyatakan bahawa orang-orang Ansar itu kasih kepada orang-orang Muhajirin yang berhijrah kepada mereka. Bahkan mereka juga menetapkan orang-orang Muhajirin itu di rumah mereka kerana orang-orang Muhajirin belum lagi mempunyai rumah sebagai tempat tinggal.

Di samping itu mereka pula membahagikan harta benda mereka dengan orang-orang Muhajirin dan mereka bersyarikat di dalam pekerjaan mereka dengan orang-orang Muhajirin. Itulah pertolongan yang diberikan oleh orang-orang Ansar kepada Muhajirin. Firman ALlah Ta'ala lagi:

وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا

**Maksudnya:**

***“Dan tidak ada di dalam hati mereka (keinginan) terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (orang-orang Muhajirin).”***

(Al Hasyr : 9)

Di antara keistimewaan orang-orang Ansar yang dipuji oleh ALLah ialah di dalam hati orang-orang Ansar ini tidak ada perasaan marah, dengki dan perasaan tidak baik terhadap orang-orang Muhajirin daripada apa yang diberikan oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasalam kepada mereka (orang-orang Muhajirin) daripada harta rampasan Bani Nadhir.

Berkata para ulama’ tafsir bahawa RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasalam telah membahagikan harta rampasan Bani Nadhir kepada orang-orang Muhajirin, tidak diberikan kepada orang Ansar melainkan dua orang sahaja. Mengikut setengah riwayat yang lain mengatakan tiga orang yang diberi oleh RasuluLlah. Namun orang-orang Ansar mempunyai sikap yang sangat baik tentang pembahagian harta rampasan itu. Firman ALLah Ta’ala lagi:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

**Maksudnya:**

***“Dan mereka itu mengutamakan saudara mereka lebih daripada mereka sendiri, walaupun mereka itu dalam keadaan berhajat..”***

(Al Hasyr : 9)

Ini adalah di antara sifat-sifat yang ditunjukkan oleh orang-orang Ansar terhadap orang-orang Muhajirin. Berhubung dengan ayat ini terdapat Asbabun nuzul (sebab-sebab ayat ini diturunkan). Berbagai-bagai cerita yang diriwayatkan oleh ulama'-ulama' di dalam kitab tafsir dengan menceritakan tentang sifat-sifat mulia orang-orang Ansar ini dalam mengutamakan saudara mereka lebih daripada mereka sendiri.

Di dalam suatu riwayat menyatakan terdapat seorang Ansar yang didatangi oleh dhif (tetamu) ke rumahnya daripada kalangan sahabatnya yang beriman. Kebetulan pada ketika itu tiada makanan melainkan untuk keluarganya sahaja. Maka dia meminta isterinya memadamkan lampu pelita di dalam bilik dan menidurkan anaknya supaya jangan menangis, agar anak-anaknya itu terlupa kepada makanan. Makanan yang sedikit itu dapat diberi kepada tetamunya. Apabila tiba masa untuk makan, tetamu itu diminta masuk ke dalam rumah, lalu isterinya terus memadamkan lampu pelita, maka makanlah tetamu itu dengan sepuasnya di samping tuan rumah melakukan secara olok-olok bahawa dia juga makan bersama-sama. Begitulah hebatnya persaudaraan yang ditunjukkan oleh para sahabat Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Pada keesokannya ALLah Ta'ala telah memuji sikap yang amat baik itu melalui firmanNya.

Mengikut suatu riwayat yang lain pula. Seorang Ansar telah dihadiahkan kepala kambing atau kepala kibas untuk dibuat lauk. Oleh kerana dia memikirkan bahawa jiran di sebelahnya mungkin tiada makanan dan lebih berhajat daripadanya, maka dia memberikan kepada jirannya. Jirannya pula memikirkan bahawa jiran yang di sebelahnya juga tidak ada makanan dan lebih berhajat daripadanya, lalu diberikannya pula kepada jirannya

sehinggalah kepala kambing itu tadi kembali semula kepada tuan rumah yang pertama. Dengan peristiwa tersebut ALLah Ta'ala memuji mereka dengan firmanNya:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

**Maksudnya:**

*“Dan mereka itu mengutamakan saudara mereka lebih daripada mereka sendiri, walaupun mereka itu dalam keadaan berhajat.”*

(Al Hasyr : 9)

Inilah kayanya jiwa dan hati mereka dengan keimanan dan persaudaraan di antara satu sama lain yang telah diajarkan oleh Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam. Seterusnya ALLah Subhanahu wa Ta'ala berfirman lagi:

وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ

**Maksudnya:**

*“Barangsiapa yang menjaga dirinya daripada kekikiran (bakhil).”*

(Al Hasyr : 9)

Perkataan Syuh ( شُح ) bermakna tamak ataupun pelahap. Dalam ayat ini sifat syuh adalah lebih buruk daripada sifat bakhil. Ini kerana orang yang memiliki sifat syuh ini adalah orang yang terlalu sayang kepada hartanya di samping mempunyai keinginan pula untuk memiliki harta orang lain. Dengan lain perkataan sifat syuh ini di samping dia bakhil ditambah pula dengan tamak. Oleh itu

barangsiapa yang dapat memelihara dirinya daripada sifat Syuh - sifat bakhil dan sifat tamak di dalam dirinya. Maka ALLah Ta'ala menyatakan firmanNya:

فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

**Maksudnya:**

*“Maka mereka itulah orang-orang yang berjaya (orang-orang yang mendapat kemenangan).”*

(Al Hasyr : 9)

Berhubung dengan ini Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam telah bersabda:

وَاتَّقُوا الشَّحَّ فَإِنَّهُ أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ

**Maksudnya:**

*“Takutlah kamu akan bakhil, maka sesungguhnya bakhil ini telah membinasakan umat yang terdahulu daripada kamu.”*

Umat pada zaman dahulu menjadi binasa disebabkan mereka mempunyai sikap bakhil. Daripada sifat bakhil yang ada pada mereka itu boleh menyebabkan berlakunya pertumpahan darah di antara satu sama lain. Mereka juga menghalalkan apa yang diharamkan oleh ALLah. Inilah kejahatan orang-orang pada zaman dahulu terutamanya daripada kalangan ahli kitab. Oleh kerana itu kita mestilah memelihara diri kita daripada sifat bakhil dan kedekut, sayang kepada harta untuk disumbang

kepada fakir miskin dan lebih-lebih lagi untuk perjuangan Islam bagi menegakkan kalimah ALLah di dunia ini.

Kalau ALLah Ta'ala memuji orang-orang Muhajirin dan Ansar yang hidup pada zaman Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam disebabkan mereka menghindarkan diri daripada sifat syuh dan bakhil ini, bagaimana pula dengan kita yang hidup pada zaman muta'akhir ini. Tambahan pula kita bukannya terdiri daripada kalangan Muhajirin dan bukan juga daripada kalangan Ansar. Namun begitu ALLah Ta'ala menyebut golongan tabi'in, iaitu golongan yang mengikut para sahabat Rasulullah dan tabi'-tabi'in iaitu orang yang mengikut tabi'in pada zaman dahulu yang beriman kepada ALLah dan RasulNya. Justeru itu kita perlu juga menghapuskan sifat syuh dan bakhil ini kerana ia boleh mendatangkan kerugian diakhirat nanti.

Kemudian ALLah Ta'ala menerangkan bagaimana sikap dan cara yang perlu kita lakukan berhubung dengan kaitan kita dengan orang-orang yang terdahulu iaitu para sahabat Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Maka ALLah Ta'ala berfirman:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ

**Maksudnya:**

***“Dan orang-orang yang datang kemudian daripada mereka.”***

(Al Hasyr : 10)

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang datang kemudian daripada mereka (orang Muhajirin dan orang Ansar) ialah orang-orang yang meneruskan perjuangan dan ajaran yang diajar oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi

Wasallam. Mereka ini termasuklah golongan tabi'in, tabi'-  
tabi'in sehinggalah orang-orang di akhir zaman. Mereka  
ini berdoa' ke hadrat ALLah Ta'ala sebagaimana firman  
ALLah:

يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا  
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ

**Maksudnya:**

*“Mereka itu berkata: “Wahai Tuhan kami, ampunilah kami (ampunilah dosa-dosa kami, kecuaiian kami dan keterlanjuran kami). Dan kepada saudara-saudara kami yang terdahulu beriman daripada kami.”*

(Al Hasyr :10)

Golongan yang dimaksudkan di sini ialah para sahabat Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam yang terdiri daripada golongan Muhajirin, Ansar dan orang-orang yang terdahulu beriman daripada kita. ALLah Ta'ala juga menyebut dalam Al-Qur'an terdapat daripada kalangan orang-orang yang kemudian ini berdoa' untuk orang zaman dahulu, mereka berkata:

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا  
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ

**Maksudnya:**

*“Wahai Tuhan kami, ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang terdahulu yang telah beriman.”*

Ini menunjukkan bahawa hubungan iman itu lebih erat daripada hubungan-hubungan yang lain seperti hubungan kekeluargaan, persahabatan dan sebagainya. Hubungan iman yang erat ini termasuklah yang terdiri daripada datuk nenek pada zaman dahulu dan sahabat handai yang beriman terdahulu daripada kita. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا

**Maksudnya:**

**"Wahai Tuhan kami janganlah engkau jadikan di dalam hati kami ini perasaan tidak baik terhadap orang-orang yang beriman."**

(Al Hasyr : 10)

Perasaan tidak baik ini termasuklah hasad dengki, marah dan bersifat khianat terhadap orang-orang yang beriman. Firman ALLah Ta'ala lagi:

رَبَّنَا إِنَّكَ رءُوفٌ رَحِيمٌ

**Maksudnya:**

**"Wahai Tuhan kami, sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Pengasih dan mempunyai rahmat terhadap hambanya."**

(Al Hasyr : 10)

Inilah doa' yang dilafazkan oleh orang-orang yang kemudian dan doa' ini sepatutnya dihafaz oleh setiap orang yang beriman, agar dibacakan selepas menunaikan

sembahyang. Berkata Ibnu Kathir, "Alangkah baiknya apa yang diistibath (diambil pengajaran) oleh Imam Malik bin Anas rahimahuLlah daripada ayat ini. Berhubung dengan golongan Al-Rafidhah atau Al-Rafidhi yang memaki para sahabat radhiaLlahu anhum, Imam Malik mengatakan tidak harus bagi mereka mengambil harta rampasan perang, dan tidak boleh diberi kepada mereka ghanimah kerana mereka tidak bersifat dengan sifat-sifat orang-orang yang beriman.

Asyid Zadah seorang ulama' berkata bahawa ALLah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan di antara keadaan orang yang kemudian daripada Muhajirin dan Ansar adalah generasi yang kemudian. Mereka hendaklah menyebut orang-orang yang terdahulu daripada mereka dengan baik.

Mereka berdoa' dan memohon ampun supaya ALLah Ta'ala memberi rahmat, dengan tidak menyebut tentang keburukan orang-orang zaman dahulu. Sekiranya ada keburukan yang dilakukan oleh mereka, maka kita hendaklah meminta kehadiran ALLah Ta'ala agar mengampun dosa-dosa mereka itu.

Berkata Assa'bi bahawasanya orang-orang Yahudi dan Nasrani lebih baik daripada Rafidhah kerana kalau ditanya orang Yahudi: "Siapakah yang lebih baik daripada ahli agamaku." Nescaya orang Yahudi mengatakan sahabat-sahabat Nabi Musa. Begitulah juga kalau ditanya kepada orang-orang Nasrani: "Siapakah yang baik di kalangan umat kamu." Nescaya orang Nasrani akan mengatakan Hawariyin iaitu sahabat-sahabat Nabi Isa. Tetapi apabila ditanya tentang sahabat-sahabat Nabi Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam kepada orang-orang Rafidhi, mereka mencela sahabat radhiaLlahu anhum. Walhal

dalam perkara sebegini sepatutnya kita tidak boleh mencela para sahabat radiallahu anhum sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah Al-Mubarak.

“Mana lebih afdhal di antara Umar Abdul Aziz dengan Muawiyah bin Abi Sufian. Muawiyah seorang sahabat dan Umar Abdul Aziz adalah seorang raja yang ‘adil di zaman Muta’akhir. Maka Abdullah bin Mubarak menyatakan: “Sesungguhnya debu-debu yang melekat pada lubang hidung kuda Muawiyah yang berjihad bersama-sama dengan Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam lebih afdhal daripada batang tubuh Umar bin Abdul Aziz”.

RasuluLlah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam pernah menyatakan: “Sesungguhnya apa-apa yang dibelanjakan secupak oleh para sahabat adalah tidak sama dengan emas yang dibelanjakan oleh kamu sebesar bukit Uhud.” Inilah di antara kelebihan para sahabat berbanding dengan kita pada masa ini.

Oleh sebab itu mereka adalah orang yang diredhai oleh ALLah kerana mereka redha kepada ALLah. Dengan ini kalau mereka melakukan kesilapan sebagai manusia, maka kita, orang yang kemudian hendaklah meminta supaya ALLah Ta’ala mengampunkan mereka dalam doa’ yang diajar di dalam Al-Qur’an.

Seterusnya ALLah Ta’ala menceritakan tentang orang-orang munafiq yang mempunyai hubungan dengan orang-orang Yahudi. Walaupun lidah mereka mengaku sebagai orang beriman. Namun mereka merasa benci dan dendam terhadap orang-orang Islam di dalam hati mereka. Mereka itu dipimpin oleh Abdullah bin Ubai bin Salor (pemimpin munafiq). Abdullah bin Ubai dan pengikut-pengikutnya yang munafiq ini duduk bersama-sama dengan para

sahabat radhiaLlahu anhum di dalam masjid Nabi SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

Mereka bukan sahaja duduk di Madinah tetapi mereka hadir di dalam masjid dan bersembahyang bersama-sama dengan para sahabat, namun begitu hati-hati mereka itu tidak beriman. Malahan mereka pula mempunyai hubungan dengan orang-orang kafir. Maka ALLah Ta'ala mendedahkan perbuatan mereka dalam firmanNya:

﴿أَلَمْ تَرَ إِلَى

الَّذِينَ نَافَقُوا يَقُولُونَ لِإِخْوَانِهِمُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ  
الْكِتَابِ

**Maksudnya:**

*"Tidakkah engkau tahu (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang Munafiq yang berkata kepada saudara-saudara mereka daripada orang-orang kafir di antara ahli kitab?"*

(Al Hasyr : 11)

Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa ALLah Subhanahu wa Ta'ala memberi peringatan kepada Nabi Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam, "Apakah kamu tahu apa yang ada di dalam hati mereka dan apakah pekerjaan mereka? Orang-orang munafiq ini berkata kepada saudara mereka daripada kalangan orang kafir ahli kitab dari Bani Quraizah dan Bani Nadhir. Firman ALLah Ta'ala:

لَئِنْ أَخْرَجْتُمُنَا لَنَخْرُجَنَّ بِكُمْ

**Maksudnya:**

*“Jika sekiranya kamu dihalau dari Madinah ini, kami akan keluar bersama-sama kamu dari Madinah.”*

(Al Hasyr : 11)

Inilah ucapan Abdullah bin Ubai dan pengikut-pengikutnya (kalangan Munafiqin) kepada kaum Bani Nadhir dan Bani Quraizah bahawa kami sentiasa bersama-sama dengan kamu. Sekiranya Muhammad SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam menghalau kamu (Bani Nadhir), kami (orang-orang munafiq) juga akan keluar bersama-sama dengan kamu. Seterusnya Allah Ta'ala berfirman lagi:

وَلَا نَطِيعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا

**Maksudnya:**

*“Dan kami tidak akan ta’at kepada perintah Muhammad, supaya kami memerangi kamu walaupun seorang daripada kami.”*

(Al Hasyr : 11)

Orang-orang munafiq itu berkata: "Di antara kalangan kami ini tidak akan sekali-kali mengikut perintah Muhammad SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam."

وَأِنْ قُوتِلْتُمْ لَنَنْصُرَنَّكُمْ

**Maksudnya:**

*“Dan jika kamu diperangi, kami akan menolong kamu.”*

(Al Hasyr : 11)

Dalam ayat ini, golongan munafiq ini berkata lagi dengan tegas kepada kaum Bani Nadhir: "Sekiranya; Muhammad datang memerangi kamu, kami akan menolong kamu menentang Muhammad." Pada hal orang-orang munafiq ini sentiasa hadir ke masjid dan duduk bersama-sama dengan para sahabat serta berjemaah dengan Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Namun begitu mereka mengadakan hubungan sulit dengan musuh Islam. Maka ALLah Ta'ala telah mendedahkan apa yang diucapkan oleh mereka itu melalui firmanNya.

وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ

**Maksudnya:**

**"ALLah Ta'ala bersaksi bahawa orang-orang munafiq itu adalah pembohong."**

(Al Hasyr : 11)

ALLah Ta'ala sendiri yang menjadi saksi bahawa orang munafiq adalah orang-orang yang dusta, orang-orang yang bohong. Perkara ini didedahkan lagi oleh ALLah Ta'ala dengan firmanNya:

لَئِن أَخْرَجُوا لِأَيِّخْرَجُونَ مَعَهُمْ

**Maksudnya:**

**"Jika sekiranya mereka itu dikeluarkan. orang-orang munafiq itu tidak akan keluar mengikut orang-orang Yahudi (kawan mereka)."**

(Al Hasyr : 12)

Yang dimaksudkan di sini ialah sekiranya orang-orang Yahudi itu dihalau dari kampung halaman mereka oleh tentera Islam, mereka (orang-orang munafiq) tidak akan ikut keluar bersama-sama dengan Yahudi kerana mereka ini adalah penakut. Semua percakapan mereka itu adalah dusta dan bohong belaka. Perkara ini dinyatakan oleh ALLah Ta'ala di dalam firmanNya.

وَلَيْنَ قُوتِلُوا لَا يَنْصُرُونَهُمْ

**Maksudnya:**

*“Dan jika sekiranya orang-orang Yahudi itu diperangi, nescaya orang-orang munafiq tidak akan menolong saudara-saudara mereka (orang-orang Yahudi).”*

(Al Hasyr : 12)

Kalau sekiranya orang Yahudi itu diserang, maka orang-orang munafiq itu tidak akan sekali-kali keluar berperang menolong orang-orang Yahudi itu untuk menentang tentera Islam tersebut. Kemudian ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وَلَيْنَ نَصَرُوهُمْ لِيُوَلِّبَ الْأَدْبَرَ

**Maksudnya:**

*“Kalau sekiranya orang munafiq itu keluar berperang, menolong saudara-saudara mereka (orang-orang Yahudi pun) mereka akan lari bertempiran.”*

(Al Hasyr : 12)

Sekiranya orang-orang munafiq itu datang untuk membantu orang-orang Yahudi, mereka akan lari dan berpaling kebelakang kerana mereka adalah orang yang penakut.

ثُمَّ لَا يُنصَرُونَ

**Maksudnya:**

*“Kemudian mereka semua tidak diberi pertolongan.”*  
(Al Hasyr : 12)

Sifat orang munafiq sememangnya suka mencari laba, mereka hanya sekadar melihat siapa di antara mereka yang menang. Kerana mereka tidak suka mencari susah. Kalau sekiranya mereka memberi pertolongan kepada orang-orang Yahudi, mereka akan lari juga. Sebagaimana yang didedahkan oleh ALLah Ta'ala di dalam firmanNya:

لَأَنْتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِي صُدُورِهِمْ مِنَ اللَّهِ

**Maksudnya:**

*“Sesungguhnya mereka (wahai orang-orang yang beriman) terlebih takut kepada kamu di dalam hati-hati mereka daripada ALLah.”*

(Al Hasyr : 13)

Orang-orang Yahudi dan orang-orang Munafiq ini takut kepada orang-orang yang beriman lebih daripada mereka itu takut kepada ALLah Ta'ala. Perkara ini bukan sahaja berlaku pada zaman dahulu bahkan pada zaman sekarang

ini. Walaupun orang Islam jumlahnya tidak ramai, kekuatan tidak sama seperti mereka tetapi mereka takut kepada orang-orang yang beriman lebih daripada takut kepada ALlah Ta'ala.

Kisah perangai orang Yahudi yang bersifat penakut ini merupakan cerita sepanjang zaman bukan hanya pada masa dahulu sahaja. Bahkan sampai pada zaman sekarang ini. Kadang-kadang di setengah tempat terdapat orang yang beriman itu ada seorang sahaja, sedangkan mereka yang munafiq dan Yahudi itu ramai tetapi oleh kerana mereka takut kepada orang yang beriman itu, mereka tidak berani untuk melakukan sesuatu kejahatan. Seterusnya ALlah Ta'ala berfirman:

ذٰلِكَ بِاَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُوْنَ

**Maksudnya:**

*“Sebabnya mereka itu (orang-orang munafiq) adalah kaum yang tidak faham (kaum yang tidak mengerti).”*

(Al Hasyr : 13)

Di dalam ayat ini ALlah Ta'ala mengatakan mereka adalah manusia yang tidak faham, tidak mengerti dan tidak boleh berfikir dengan cara yang baik, berpandukan 'aql yang waras. Kerana mereka takut kepada manusia lebih daripada takut kepada ALlah Ta'ala. Aql yang ada padanya tidak digunakan untuk berfikir dengan cara yang lebih rasional.

لَا يُقِنُّوْنَكُمْ جَمِيعًا اِلَّا فِي قُرَى  
مُحَصَّنَةٍ اَوْ مِنْ وَّرَآءِ جُدُرٍ

**Maksudnya:**

*“Mereka itu tidak memerangi kamu secara berdepan, melainkan di dalam kampung-kampung yang dibenteng ataupun di sebalik tembok.”*

(Al Hasyr : 14)

Di antara sifat-sifat orang munafiq dan Yahudi ialah mereka tidak berani untuk berperang dengan orang yang beriman kecuali mereka mempunyai benteng yang kukuh dan teguh. Kalau pada zaman Rasulullah s.a.w. orang Yahudi berperang dengan berselindung di balik benteng dan tembok, mereka tidak berani untuk turun ke tengah medan bagi menentang orang-orang yang beriman dengan cara berdepan. Dengan berselindung di balik tembok inilah mereka melancarkan panah, lembing dan tombak ke arah musuh. Begitu juga pada zaman sekarang ini. Orang-orang Yahudi dan munafiq ini berani berperang apabila mereka memiliki senapang dan golongan yang beriman memiliki batu sahaja. Ataupun mereka mempunyai kereta kebal yang banyak, kapal terbang yang moden, senjatanya boleh sampai ke tempat yang jauh. Tetapi jika sekiranya orang-orang Islam juga memiliki peralatan yang sama moden, mereka tidak akan berani memerangi umat Islam.

Keadaan perangai orang Yahudi yang bersifat penakut ini diceritakan oleh seorang Penglina Tentera Islam iaitu Mejar General Mahmud Khatab yang berasal dari Iraq tetapi tidak boleh menetap di Iraq. Seorang general yang berfahaman Islam yang banyak menulis buku-buku Islam terutamanya berhubung dengan peperangan Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam. Beliau mendedahkan beberapa sifat orang-orang Yahudi. Beliau pernah memimpin pasukan Mujahiddin Islam di dalam peperangan tahun 1948 dengan Yahudi.

General Mahmud Khatab menyatakan bahawa di dalam peperangan itu orang Islam menggunakan meriam jarak jauh dan membedil perkampungan Yahudi. Kemudian diikuti dengan tentera berjalan kaki. Apabila tentera ini sampai dan masuk ke tempat persembunyian mereka, tiada seorang pun orang Yahudi yang masih tinggal di dalamnya, semuanya telah lari pada awal-awal lagi.

Hal seperti ini juga diceritakan oleh Mujahidin Al-Ikhwanul Muslimun yang melibatkan diri dalam jihad dalam tahun 1948. Orang Yahudi berundur, walaupun senjata orang Islam tidak moden dan lengkap. Yang menjadi masalah pada tahun 1948 pada masa itu, pemimpin-pemimpin negeri Islam mempunyai pemikiran yang serupa dengan orang-orang Yahudi. Mereka menerima keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengeluarkan ketetapan gencatan senjata untuk menghidupkan Israel. Pada hal Mujahiddin Islam telah berjaya mengundurkan orang-orang Yahudi dari satu medan ke satu medan perang. Pemimpin-pemimpin negeri-negeri Islam ini telah menjadi tali barut kepada kuasa-kuasa kuffar walaupun namanya Islam. Keputusan yang dibuat itu adalah untuk menyelamatkan kaum Yahudi dan seterusnya menghidupkan kembali negara Israel.

Hatta di dalam peperangan yang berlaku sekarang ini, sebagaimana yang diceritakan oleh sahabat-sahabat kita di Lubnan, mereka menceritakan bahawa pernah berlaku dalam satu peristiwa, seorang perempuan di sebuah rumah telah didatangi oleh tentera Yahudi untuk mengeledah. Apabila tentera Yahudi masuk, mereka bertanya kepada seorang perempuan yang ada di dalam rumah itu. "Adakah kamu menyimpan senjata." Maka perempuan itu mengatakan: "Ada" Apabila mendengar adanya senjata, sebahagian dari mereka terus meniarap dan ada yang

berlindung di balik dinding dan tiang-tiang. Sedangkan senjata tidak tahu di mana letaknya.

Kemudian dicarinya senjata yang dikatakan itu, setelah diperiksa tidak ada sebarang senjata pun melainkan sebuah Al-Qur'an. Perempuan itu mengatakan: "Itulah senjata kami (sambil menunjuk kepada sebuah Al-Qur'an)." Rupa-rupanya perempuan itu hanya ingin mempermainkan tentera Yahudi sahaja.

Dalam suatu kisah yang lain pula menceritakan bagaimana seorang Mujahidin Islam di Lubnan yang hendak menentang Yahudi, dengan tidak ada senjata yang lain melainkan sebiji bom yang buruk. Bom yang dijumpai itu hendak dilontarkan kepada kaum Yahudi. Mujahid Islam itu pergi menghampiri pasukan Yahudi yang sedang mengendap. Lalu dilontarnya bom yang buruk itu. Semua tentera Yahudi meniarap untuk mengelakkan daripada terkena letupan bom. Pada hal bom itu tidak pun meletup. Inilah peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada Yahudi sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam Al-Qur'an.

Sebenarnya mereka adalah bangsa yang penakut. Tetapi mengapa orang Islam tidak dapat menentang mereka pada hari ini. Ini kerana perangai orang-orang Yahudi telah meresap ke dalam diri orang-orang Islam. Inilah yang menjadi masalah kepada Negara-negara Islam. Allah Ta'ala sendiri yang menyebut dalam ayat ini, sebagaimana firmanNya:

لَا يُقَاتِلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِي قَرْيٍ  
مُحَصَّنَةٍ أَوْ مِنْ وَرَاءِ جُدُرٍ

**Maksudnya:**

*“Mereka itu tidak memerangi kamu secara berdepan, melainkan di dalam kampung-kampung yang dibenteng ataupun di sebalik tembok.”*

(Al Hasyr : 14)

Kalau ada tembok sebagai tempat berlindung, barulah mereka berlawan dengan kamu (wahai Muhammad SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam), sekiranya tidak ada tembok mereka tidak akan berlawan. Inilah perkara yang didedahkan oleh ALLah Ta’ala tentang mereka. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

بَأْسِهِمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ

**Maksudnya:**

*“Permusuhan sesama mereka terlalu hebat.”*

(Al Hasyr : 14)

Di antara perangai orang-orang Yahudi lagi, suka bermusuhan sesama mereka dengan terlalu hebat, walaupun mereka bersatu untuk memerangi orang-orang Islam. Timbulnya permusuhan sesama mereka kerana Yahudi adalah bangsa yang tamak haloba dan bangsa yang hendak mencari kelebihan dunia semata-mata. Oleh sebab itu mereka berebut-rebut sesama mereka sehingga seringkali berlaku permusuhan. Begitulah orang kafir keseluruhannya, mereka berbalah sesama sendiri dengan terlalu hebatnya. Dan ALLah Ta'ala berfirman lagi:

تَحْسِبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ

**Maksudnya:**

*“Kamu menyangka mereka itu bersatu padu. Pada hal hati-hati mereka berpecah.”*

(Al Hasyr : 14)

Kamu menyangka bahawa mereka itu berkumpul dalam keadaan perpaduan yang erat tetapi sebenarnya hati-hati mereka berpecah satu dengan yang lain. Perpecahan ini adalah disebabkan mereka itu tidak beraqal sebagaimana yang dinyatakan di dalam firman ALLah Ta'ala:

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٤﴾

**Maksudnya:**

*“Sebabnya mereka adalah kaum yang tidak ber’aqal.”*

(Al Hasyr : 14)

ALLah Ta'ala mengatakan bahawa mereka adalah kaum yang tidak ber’aqal, walaupun terdapat ramai orang Yahudi yang terdiri daripada ahli-ahli falsafah, tetapi mereka tidak boleh menggunakan ‘aqal dan kecerdikan yang ada pada diri mereka. Oleh kerana itu mereka menjadi orang-orang yang kufur dan mereka berlawan di antara satu sama lain kerana untuk berebut harta dan sebagainya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Qatadah.

فَأَهْلُ الْبَاطِلِ مُخْتَلِفَةٌ أَرَؤُهُمْ، مُخْتَلِفَةٌ شَهَادَتُهُمْ، مُخْتَلِفَةٌ  
أَهْوَاؤُهُمْ وَهُمْ مُجْتَمِعُونَ فِي عَدَاوَةِ أَهْلِ الْحَقِّ

**Maksudnya:**

“Ahli bathil (orang yang memperjuangkan kebathilan) bukansahaja Yahudi. Mereka bertelagah pendapat, mereka bertelagah hawa nafsu, mereka bertelingkah dari segi pengakuan terhadap sesuatu perkara dan mereka bersatu untuk menentang kebenaran.”

Mereka akan bersatu apabila menentang kebenaran, dalam pada itu mereka bermusuh di antara satu sama lain. Inilah sikap orang yang memperjuangkan kebathilan dalam apa jenis kebathilan sekalipun. Bukan sahaja di kalangan orang-orang Yahudi, malah golongan lain yang memperjuangkan kebathilan akan bertelingkah sesama sendiri. Namun begitu mereka akan bersatu untuk menentang kebenaran. ALLah Ta'ala berfirman lagi:

كَمَثَلِ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَرِيبًا

**Maksudnya:**

“Sama seperti orang-orang Yahudi yang dahulu daripada mereka.”

(Al Hasyr : 15)

Maksud di sini ialah kaum Bani Qainuqa' yang dihalau dari kampung halaman mereka sepertimana kaum Bani Nadhir dihalau dari kampung mereka oleh tentera Islam. Begitu juga dengan orang-orang kafir yang telah dikalahkan di dalam peperangan Badar. Mereka berlawan di antara pengikut-pengikut Abu Jahal dengan pengikut-pengikut pemimpin yang lain. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

ذَاقُوا وَبَالَ أَمْرِهِمْ

**Maksudnya:**

*"Mereka itu merasakan keburukan akibat dosa mereka di atas dunia ini."*

(Al Hasyr : 15)

Sebab ALlah Ta'ala menjadikan mereka seperti ini, supaya mereka merasai akibat dari perbuatan buruk dan jahat yang mereka lakukan di atas dunia ini. Mereka menerima lebih dahulu hukuman di atas dunia sebelum menerima hukuman di Akhirat kelak. Seterusnya ALlah Ta'ala berfirman lagi:

وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

**Maksudnya:**

*"Bagi mereka 'azab yang pedih (pada hari akhirat)."*

(Al Hasyr : 15)

Setelah mereka menerima bala' di dunia, di akhirat kelak mereka akan merasakan 'azab yang pedih pula. Seterusnya ALlah Ta'ala mendedahkan tentang sifat-sifat orang munafiq.

كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلْإِنْسَانِ اكْفُرْ

**Maksudnya:**

*"Bandingan mereka itu samalah seperti (bujukan) syaitan ketika dia berkata kepada manusia: "Kafirlah kamu."*

(Al Hasyr : 16)

ALLah Ta'ala mengatakan orang munafiq yang mengaku beriman tapi hatinya tidak beriman ini perangnya menyerupai perangai syaitan. Ini kerana kerja mereka mengoda, menghasut dan menimbulkan syak wangsaka manusia terhadap agama ALLah. Firman ALLah Ta'ala:

فَلَمَّا كَفَرَ

**Maksudnya:**

**"Manakala sesudah orang itu menjadi kafir."**

(Al Hasyr : 16)

Dengan sebab hasutan daripada orang-orang munafiq yang menyesatkan orang-orang yang jahil, orang itu menjadi kafir dan masuk dalam neraka. Setelah seseorang itu jatuh ke dalam kekufuran, maka syaitan itu berkata:

قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِّنكَ

**Maksudnya:**

**"Aku berlepas diri daripada mu."**

(Al Hasyr : 16)

Syaitan itu menyebut bahawa dia akan berlepas diri daripada kamu, sedangkan dia tidak ada apa-apa kelebihan dan keistimewaannya. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

**Maksudnya:**

***“Sesungguhnya aku takut kepada ALLah, Tuhan sekalian ‘alam.”***

(Al Hasyr : 16)

Syaitan mengatakan bahawa dia takut kepada ALLah Ta’ala yang menguasai sekalian ‘alam ini. Walaupun pada asalnya dialah yang menghasut manusia menjadi kafir tetapi dia pula yang memberitahu bahawa dirinya tidak tahu menahu di dalam hal ini dengan mengatakan: “Aku takut kepada ALLah, Tuhan sekalian ‘alam.” Inilah di antara ucapan syaitan disepanjang zaman. Dialah (syaitan) yang menghasut supaya manusia menyeleweng dan lari daripada ajaran Islam yang sebenar. Seterusnya firman ALLah lagi.”

فَكَانَ عَاقِبَتُهُمَا أَنَّهُمَا فِي النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا

**Maksudnya:**

***“Maka adalah akibat ke dua-duanya, tinggal di dalam api neraka semuanya dan mereka itu kekal di dalamnya.”***

(Al Hasyr : 17)

Ayat ini menjelaskan bahawa syaitan dan orang munafiq yang menipu. Kedua-dua golongan akan di tempatkan oleh ALLah Subhanahu wa Ta’ala ke dalam neraka semuanya. Mereka yang tinggal di dalam api neraka itu termasuklah orang-orang yang menipu dan orang-orang yang tertipu. Dan mereka itu kekal di dalamnya Seterusnya sebagaimana firman ALLah Ta’ala:

وَذَلِكَ جَزَاءُ الظَّالِمِينَ ﴿١٧﴾

**Maksudnya:**

**“Dan demikian itulah balasan terhadap orang-orang yang zalim.”**

(Al Hasyr : 17)

Itulah balasan kepada orang yang zalim, yang lari daripada ajaran ALLah yang meletakkan sesuatu tidak kena pada tempatnya.

TAFSIR MULAI AYAT 18 HINGGA 24

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَتَنْظُرُوا  
 نَفْسُ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ  
 ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ  
 هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾ لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ  
 الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾ لَوْ أَرْنَا هَٰذَا  
 الْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ  
 اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضِرَ بِهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ  
 ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِيمٌ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
 هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
 الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِيمُنُ الْعَزِيزُ  
 الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ  
 ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ  
 يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

## MAKSUD AYAT

18. *Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada ALLah. Dan hendaklah seseorang melihat dirinya (seseorang itu hendaklah sentiasa dilihat dan memerhati) apakah yang akan dikemukakan pada esok hari, dan bertaqwalah kamu akan ALLah, sesungguhnya ALLah itu Maha Mengetahui di atas apa yang kamu kerjakan.*
19. *Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada ALLah, lalu ALLah melupakan mereka terhadap diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasiq.*
20. *Tidak sama penghuni-penghuni neraka dengan penghuni-penghuni syurga, ahli-ahli syurga, mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.*
21. *Kalau sekiranya Kami turunkan Al-Qur'an ini kepada bukit, nescaya engkau melihat (wahai Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam) bukit itu dalam keadaan khusyu' dan pecah kerana takut akan ALLah. Itulah contoh-contoh yang kami nyatakan kepada manusia supaya mereka itu berfikir.*

22. *Dialah ALLah, tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Dia. Yang mengetahui apa yang ghaib dan apa yang nyata. Dialah Tuhan yang Maha Pemurah (Ar-Rahman) dan yang Maha Penyayang (Ar-Rahim).*
23. *Dialah ALLah, yang tiada Tuhan melainkan Dia. Maha Raja, Maha Suci, Maha Sejahtera, Yang Mengurniakan keamanan, Maha Memelihara, Maha Perkasa, Maha Gagah, Yang memiliki segala keagungan, Maha Suci ALLah dari apa yang mereka persekutukan.*
24. *Dialah ALLah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Mengambarkan mengikut bentuk yang dikehendakiNya. BagiNya segala nama yang paling baik. Mengucap tasbih kepadaNya (ALLah) apa-apa yang ada di langit dan di bumi. Dan Dialah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

## HURAIAN MULAI AYAT 18 HINGGA 24

ALLah Subhanuhu wa Ta'ala menceritakan kepada kita pada ayat-ayat yang lalu, berhubung dengan peperangan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang Yahudi dan menceritakan tentang keadaan orang-orang munafiq yang menipu ALLah dan orang-orang yang beriman. Sesungguhnya ALLah Ta'ala itu Maha Mengetahui. ALLah Ta'ala berfirman di dalam ayat ini yang ditujukan kepada orang-orang yang beriman.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ

*Maksudnya:*

*“Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada ALLah.”*

(Al Hasyr : 18)

Iaitu takutlah kamu akan ALLah pada segala perintah dan laranganNya, dengan menunaikan segala farduNya dan meninggalkan segala maksiat dan laranganNya.

Perkara itu menjadi suatu perkara yang mencegah kamu daripada mendurhakai ALLah Ta'ala. Taqwa adalah suatu

sifat yang ada di dalam hati sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam.

التَّقْوَىٰ هَاهُنَا

**Maksudnya:**

**“Taqwa di sini. (sambil Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam menunjuk ke arah dadanya).”**

Sayyidina Umar Al-Khatab radhiaLlahu anhu pernah bertanya kepada Ubai bin Kaab. Wahai Ubai apakah sebenarnya taqwa. Maka Ubai pun menjawab, “Pernahkah Amrul Mukminin berjalan di jalan yang banyak duri.” Maka Sayyidina Umar menjawab, “Ya.” Lalu Ubai bertanya lagi, “Bagaimana Amrul Mukminin berjalan.” Kata Sayyidina Umar: “Sudah tentu saya berjalan dengan berhati-hati dan cermat supaya kaki saya tidak terpijak duri.” kata Ubai “Itulah dia taqwa.” Seseorang itu mesti berhati-hati di dalam mengerjakan perintah ALLah dan meninggalkan larangan ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Firman ALLah Ta'ala.

وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ

**Maksudnya:**

**“Dan hendaklah seseorang melihat dirinya (seseorang itu hendaklah sentiasa dilihat dan memerhati) apakah yang akan dikemukakan pada esok hari.”**

(Al Hasyr : 18)

Yang dimaksudkan dengan esok hari di sini ialah Hari Qiamat. Ini menandakan Hari Qiamat adalah terlalu hampir kepada manusia. Walaupun mengikut perhitungan manusia, perkara itu lambat lagi, mungkin puluhan tahun atau ribuan tahun, tetapi berdasarkan kepada tanda-tanda yang berlaku semuanya memberi gambaran kepada kita akan hampirnya hari Qiamat.

Walau bagaimanapun hari Qiamat ini adalah perkara yang mesti berlaku pada masa akan datang. Perkara yang pasti berlaku akan datang adalah suatu perkara yang terlalu hampir. Adalah dekat kalau di bandingkan dengan keseluruhan riwayat hidup manusia, dari mula dia diciptakan dan sehingga hari Qiamat. Masa berlakunya hari Qiamat itu telah hampir kepada kita. Sebagai contoh kelahiran Nabi Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam adalah tanda yang sangat besar. Hal ini menunjukkan bahawa dunia ini telah tua dan telah berada di saat yang hampir Qiamat.

Di samping itu ALLah Ta'ala juga telah menunjukkan kepada kita tentang Qiamat yang kecil iaitu ketika seseorang itu meninggal dunia. Sebelum kita sampai kepada Qiamat yang besar, Qiamat yang kecil pasti akan berlaku pada diri masing-masing sama ada cepat ataupun lambat. Di mana diri masing-masing akan meninggal dunia. Ia adalah terlalu dekat dari hari ke hari berbanding dengan masa akan berlakunya Qiamat yang besar. Oleh sebab itu ALLah menyatakan kepada orang-orang yang beriman, apakah persediaan atau bekalan kamu untuk menghadapi pada hari esoknya (hari Qiamat). Adakah kamu benar-benar telah ta'at kepada semua perintahNya di dalam perkara-perkara 'ibadat? Adakah kamu telah berjuang sepenuhnya di dalam menegakkan hukum ALLah di atas dunia ini ataupun kamu memberi sumbangan

harta untuk perjuangan menegakkan kalimah ALLah yang mulia di atas muka bumi ini. Sekiranya belum berbuat demikian, maka kita tidak boleh menunggu kerana perkara mati adalah terlalu hampir dengan kita. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman:

وَاتَّقُوا اللَّهَ

**Maksudnya:**

*“Dan bertaqwalah kamu akan ALLah.”*

(Al Hasyr : 18)

Dalam ayat ini ALLah Ta'ala mengulangi sekali lagi firmanNya, dengan tujuan untuk menguatkan dan menegaskan perintahNya kepada orang-orang yang beriman supaya mereka bertaqwa kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Perkataan taqwa di dalam ayat ini di ulangi sebanyak dua kali. ALLah Ta'ala berfirman lagi.

إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

**Maksudnya:**

*“Sesungguhnya ALLah itu Maha Mengetahui di atas apa yang kamu kerjakan.”*

(Al Hasyr : 18)

ALLah Ta'ala mengetahui mengenai apa yang kamu kerjakan dan apa yang berlaku kepada kamu. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ

**Maksudnya:**

***“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada ALLah.”***

(Al Hasyr : 19)

Iaitulah orang-orang yang meninggalkan perintah ALLah dan mengerjakan larangannya. Perkara yang ALLah Ta'ala perintah, mereka tidak melakukannya dan perkara yang ALLah Ta'ala larang mereka melakukannya. Itulah dia orang-orang yang lupa akan ALLah dan orang yang tidak ingat akan ALLah Ta'ala. Firman ALLah Ta'ala lagi.

فَانَسَهُمْ اَنْفُسَهُمْ

**Maksudnya:**

***“Lalu ALLah Ta'ala melupakan mereka terhadap diri mereka sendiri.”***

(Al Hasyr : 19)

Di dalam ayat ini ALLah Ta'ala menegaskan tidak akan memberi Hidayat dan petunjuk kepada mereka yang durhaka akan ALLah. Oleh kerana itu dia menjadi orang-orang yang lupa iaitu lupa kepada dirinya kerana dia lupa kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Apabila mereka lupa akan dirinya, maka sudah tentu dia akan melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan agama dan perkara-perkara yang bercanggah dengan perintah ALLah Ta'ala atau dengan lain perkataan dia melakukan kerja-kerja durhaka dan maksiat.

اُولَئِكَ هُمُ الْفٰسِقُوْنَ

**Maksudnya:**

***“Mereka itulah orang-orang yang fasiq.”***

(Al Hasyr : 19)

Orang-orang yang keluar daripada ta'at kepada ALLah Ta'ala, mereka itulah orang yang fasiq. Ibn Zaid menyatakan yang dimaksudkan dengan orang-orang yang durhaka ialah orang-orang yang bohong. Perbuatan durhaka dan melakukan pembohongan adalah dua perkara yang serupa sahaja bagi mereka. Perbuatan ini semua dianggapkan melakukan perkara fasiq. Kemudian ALLah Ta'ala menyatakan kepada kita dengan firmanNya:

لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ الْجَنَّةِ

**Maksudnya:**

*“Tidak sama penghuni-penghuni neraka dengan penghuni-penghuni syurga.”*

(Al Hasyr : 20)

Ayat ini memperjelaskan tentang kedudukan di antara ahli-ahli neraka dengan ahli-ahli syurga adalah tidak sama. Juga tidak serupa antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang kafir, walaupun kita melihat keadaan orang-orang kafir itu senang lenang dan kaya raya. Oleh itu janganlah kamu berkata serupa sahaja di antara orang Islam dengan orang kafir, di antara ahli neraka dengan ahli syurga. Ini kerana ALLah Ta'ala telah menyatakan bahawa: “Tidak sama di antara ahli neraka dengan ahli syurga.”

Hasil dari kata-kata sama sahaja di antara kaum Islam dengan kaum kafir, maka Abu Sufian yang menjadi ketua kaum musyrikin di dalam peperangan Uhud melaungkan ucapannya kepada orang-orang Islam. Dengan katanya:

الْحَرْبُ سِجَالٌ يَوْمَ لِلَّهِ وَيَوْمَ عَلَيْكَ

**Maksudnya:**

“Peperangan itu silih berganti (sama sahaja kamu dengan kami). Sekiranya kamu yang benar sudah tentu kamu sahaja yang mendapat kemenangan.”

Lalu Rasulullah SallaLahu ‘Alaihi Wasallam menyuruh Sayyidina Umar menjawab:

قَتَلْنَا فِي الْجَنَّةِ وَقَتَلَاكُمْ فِي النَّارِ

**Maksudnya:**

“Orang-orang yang terbunuh di kalangan kami masuk syurga dan orang-orang yang terbunuh di kalangan kamu masuk neraka, tidak sama.”

Seterusnya Allah Ta’ala berfirman lagi:

أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

**Maksudnya:**

“Ahli-ahli syurga, mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.”

(Al Hasyr : 20)

Yang menyebabkan perkara ini tidak sama kerana ahli-ahli syurga mendapat kemenangan daripada Allah dan

ahli-ahli neraka mendapat kecelakaan dan ke'azaban. Sebagaimana ALLah Ta'ala menyebut banyak kali di dalam surah-surah yang lain seperti di dalam suratul Maidah. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi.

سُورَةُ الْمَائِدَةِ  
قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَيْرُ وَالطَّيِّبُ

**Maksudnya:**

*"Katakanlah (wahai Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam) tidak sama di antara keburukan (keji) dengan perkara baik."*

(Al Maidah : 100 )

Begitu juga firman ALLah Ta'ala di dalam surah Sajdah:

أَفَمَنْ كَانَ مُؤْمِنًا كَمَنْ كَانَ فَاسِقًا لَا يَسْتَوُونَ

**Maksudnya:**

*"Maka apakah orang yang beriman seperti orang yang fasiq (kafir)? Mereka adalah tidak sama."*

(Sajdah : 18)

Kedua-dua ayat ini memberikan hujjah yang lebih tepat lagi bagi menunjukkan bahawa adalah tidak sama di antara orang yang beriman dengan orang-orang yang fasiq atau kafir sebagaimana yang difirmankan oleh ALLah Ta'ala di dalam suratul Shaad.

أَمْ نَجْعَلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا  
الصَّالِحَاتِ كَالْمُفْسِدِينَ فِي الْأَرْضِ أَمْ نَجْعَلُ الْمُتَّقِينَ كَالْفُجَّارِ

سُورَةُ الْأَنْعَامِ

**Maksudnya:**

**“Adakah kami jadikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh itu seperti orang-orang yang melakukan kejahatan di atas muka bumi ataupun patuhkah kami jadikan orang-orang yang bertaqwa itu seperti orang-orang yang jahat?”**

(Shaad : 28)

Mereka adalah berbeza. Oleh kerana itu di hari Qiamat nanti mereka yang beriman dan bertaqwa di masukkan ke syurga dan mendapat kebahagiaan dan kemenangan. Manakala orang-orang yang kafir yang durhaka kepada ALLah akan dimasukkan ke neraka yang penuh dengan ke'azaban dan kepedihan.

Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman:

لَوْ أَنزَلْنَاهُ  
الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ  
اللَّهِ

**Maksudnya:**

**“Kalau sekiranya Kami turunkan Al-Qur'an ini kepada bukit, nescaya engkau melihat (wahi Muhammad SallaLlahu 'Alaihi Wasallam) bukit itu dalam keadaan khususy' dan pecah kerana takut akan ALLah.”**

(Al Hasyr : 21)

Ini menunjukkan bahawa betapa besar dan hebatnya Al-Qur'an, serta amanah yang terkandung di dalamnya. Ini

kerana Al-Qur'an itu didatangkan daripada ALLah Subhanahu wa Ta'ala yang Maha Perkasa. Oleh itu kamu hendaklah memberi perhatian kepada Al-Qur'an. ALLah Ta'ala menyebut suatu contoh di dalam ayat ini, menyebut tentang betapa besarnya Al-Qur'an itu, iaitu kalau sekiranya Al-Qur'an di turunkan kepada bukit, ia akan menyedari hakikat betapa besarnya amanah Al-Qur'an, maka ia akan menjadi khusyu' dan pecah kerana takut akan ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Sebagaimana ALLah Ta'ala menyebut di dalam Al-Qur'an Suratul Al-Baqarah:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ  
 فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً وَإِن مِّن الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ  
 مِنْهُ الْأَنْهَارُ وَإِن مِنْهَا لَمَا يَشَّقُّ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ  
 سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

**Maksudnya:**

*“Kemudian kerana hati kamu seperti batu bahkan lebih daripada batu, di antara batu itu ada yang pecah terpancarnya mata air, di antara batu itu ada yang mengizinkan air melalui celah-celahnya.”*

Sekeras-keras batu yang kamu perhatikan itu mengizinkan air melaluinya, tetapi kalau manusia yang keras kepala atau berhati batu, dia tidak akan benarkan manusia menyebarkan kebenaran Islam walaupun mereka mengetahui bahawa Islam itu adalah baik dan 'adil. Maka sifat yang ada pada dirinya adalah lebih buruk daripada batu yang tidak ber'aqal.

Di antara batu-batu itu ada yang turun bergolek ke bawah kerana takut akan ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Sesungguhnya ALLah Ta'ala tidak lalai daripada apa yang

kamu kerjakan dan ALLah Ta'ala menyebut di dalam Al-Qur'an, tatkala Nabi Musa bermunajat kepada ALLah di gunung Thuri Sina. ALLah Ta'ala berfirman:

سُورَةُ الْاِنْبِرَاءِ  
جَعَلَهُ دَكًّا

**Maksudnya:**

***"Tiba-tiba bukit Thuri Sina menjadi sama rata dengan bumi kerana takut akan ALLah."***

Gunung Thuri Sina yang pejal itu menjadi hancur dan sama rata dengan bumi kerana takut kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Begitu juga ALLah Ta'ala menyatakan kepada kita dalam ayat ini, kalau sekiranya Al-Qur'an itu diturunkan kepada gunung ganang, nescaya gunung ganang itu khusyu' dan menjadi retak pecah kerana takut kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

**Maksudnya:**

***"Itulah contoh-contoh yang kami nyatakan kepada manusia supaya mereka itu berfikir."***

(Al Hasyr : 21)

ALLah Ta'ala menyebut perkara ini sebagai contoh teladan kepada manusia, bagaimana kepatuhan makhluk yang lain kepada ALLah Subhanahu wa Ta'ala, dengan tujuan supaya manusia mengenali akan Tuhannya sebagaimana makhluk lain mengenalinya. Justeru itu manusia akan patuh kepada Al-Qur'an yang diturunkan kepada mereka

sebagaimana makhluk yang lain patuh kepada apa yang diamanahkan kepada mereka oleh ALLah Subhanahu wa Ta'ala. Begitulah makhluk yang lain dan begitu jugalah sepatutnya bagi manusia. Mereka hendaklah berfikir dengan 'aql yang waras dan betul. ALLah Ta'ala berfirman lagi.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

**Maksudnya:**

*“Dialah ALLah, tiada Tuhan yang sebenarnya melainkan Dia.”*

(Al Hasyr : 22)

Kalau sekiranya kita mengenal ALLah, kita juga akan mengenal Al-Qur'an yang mengandungi hikmat yang banyak di dalamnya. Dialah Tuhan yang sebenarnya, selain daripadanya adalah bohong dan palsu yang direka-reka oleh manusia semata-mata. Firman ALLah Ta'ala lagi.

عَلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

**Maksudnya:**

*“Yang mengetahui apa yang ghaib dan apa yang nyata.”*

(Al Hasyr : 22)

ALLah Ta'ala mengetahui apa yang tersembunyi dan apa yang nyata. Setengah ulama' menyatakan yang dimaksudkan dengan mengetahui apa yang telah berlaku dan akan berlaku ialah mengetahui 'alam 'Akhirat dan 'alam dunia. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman.

هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

**Maksudnya:**

**“Dialah Tuhan yang Maha Pemurah (Ar-Rahman) dan yang Maha Penyayang (Ar-Rahim).”**

(Al Hasyr : 22)

ALLah Ta’ala yang bersifat Ar-Rahman (Maha Pemurah) mempunyai rahmat di dunia dan di Akhirat terhadap orang-orang yang beriman dan orang-orang kafir di dalam dunia. Tetapi ALLah Ta’ala yang bersifat Ar-Rahim (Yang Maha Penyayang) hanya terhadap hamba-hambanya yang beriman sahaja. Walau bagaimanapun ALLah Ta’ala memberi masa kepada orang kafir untuk hidup di atas dunia supaya mereka berfikir dengan ‘aql yang waras agar mereka itu kembali kepada ALLah.

ALLah Ta’ala itu bersifat Rahman (Yang Maha Pemurah) dan Rahim (Yang Maha Penyayang). Di nyatakan bahawa ALLah Ta’ala kasih kepada hambanya lebih daripada ibubapa kasih kepada anaknya. Begitu juga ALLah Ta’ala kasih kepada kita lebih daripada ibubapa kasih kepada kita. Itulah dia Rahman daripada ALLah Subhanahu wa Ta’ala. ALLah Ta’ala berfirman lagi.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهِيمُ الْعَزِيزُ  
الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ

**Maksudnya:**

***“Dialah ALLah, yang tiada Tuhan melainkan Dia. Maha Raja, Maha Suci, Maha Sejahtera, Yang Mengurniakan keamanan, Maha Memelihara, Maha Perkasa, Maha Gagah, Yang memiliki segala keagungan,”***

(Al Hasyr : 23)

Dialah ALLah yang tiada Tuhan melainkan Dia yang mempunyai sifat-sifat kesempurnaan, di antaranya ialah “Al-Malik” - Yang Memiliki, Yang Memerintah. Semua pemerintahan yang ada di dunia ini berada dibawahNya. Dia boleh mencabut pemerintahan pada bila-bila masa sahaja. Dia boleh memberi pemerintahan kepada siapa yang Dia kehendaki pada bila-bila masa sahaja mengikut hikmat yang dikehendaknya.

“Al-Qudus” Yang Maha Suci daripada sifat kekurangan dan kelemahan. Maha Suci daripada sama dengan makhluk.

“As-Salam” Yang Maha sejahtera.

Ulama'-ulama' menafsirkan di antara makna "Yang Maha Sejahtera" itu ialah yang mempunyai kesejahteraan daripada kekurangan dan kelemahan serta kesejahteraan kepada hamba-hambanya yang mukmin di dalam syurga. Semuanya ini merangkumi keseluruhan sifat ALLah Ta'ala itu.

“Al-Mukmin” - Yang memberi Kebenaran.

ALLah Ta'ala telah membenarkan Rasul-rasulNya 'alaihissalam dengan Mukjizat bagi membuktikan kebenaran Al-Mukmin. Juga dengan memberikan tanda-tanda di luar daripada adab yang membuktikan bahawa

Nabi-nabi dan Rasul-rasul itu adalah utusan daripada ALLah Subhanahu wa Ta'ala.

Al-Mukmin juga dengan makna yang mengamankan hamba-hambanya daripada 'azab siksa pada Hari Qiamat kelak iaitu kepada hamba-hamba yang beriman.

"Al-Muhaimin" - Yang mempunyai Pengawasan dan mengurniakan.

ALLah Ta'ala yang memberi kurniaanNya dan mengawasi segala sesuatu yang diberikan kepada hambanya. Dia (ALLah) mengawasi dan menjamin kebaikan kepada hambanya. Oleh kerana itu, jika seseorang itu mengatakan Al-Qur'an itu tidak sesuai lagi di zaman ini, dia mestilah mengetahui bahawa ALLah yang menurunkan Al-Qur'an itu adalah Tuhan yang bersifat Al-Muhaimin iaitu yang memberi kurniaan serta mengawasi Al-Qur'an itu di sepanjang masa dan sepanjang zaman.

"Al-Aziz" - Yang Maha Perkasa iaitu tiada siapa yang boleh mengalahkannya.

"Al-Jabbar" - Yang Maha Kuat lagi Maha Besar dan tiada siapa yang boleh mengalahkan kekuatannya.

"Al-Mutakabbir" - Yang Maha Besar ALLah Ta'ala itu yang bersifat terpuji. Oleh itu kalau seorang hamba itu ada memiliki sifat takabur, maka hamba itu ada sifat yang keji. Kerana sifat Al-Mutakabbir adalah salah satu daripada nama-nama ALLah yang mempunyai kebesaran dan keagungan bagi diriNya.

Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman lagi:

سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ

**Maksudnya:**

**“Maha suci ALLah daripada apa yang mereka itu persekutukan.”**

(Al Hasyr : 23)

Sifat kebesaran ALLah Ta’ala ini sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam di dalam hadith Qudsi:

الْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي وَالْعِظْمَةُ إِزَارِي

**Maksudnya:**

**“Dan kebesaran dan keagungan itu adalah pakaian Aku.”**

Barangsiapa yang hendak menandingi atau melawan ALLah mengenai salah satu daripada kedua sifatNya (Kebesaran dan Keagungan) yang dia meletakkan sifat tersebut itu pada dirinya. Sedangkan sifat kebesaran dan keagungan itu hanya bagi ALLah Subhanahu wa Ta’ala semata-mata. Tetapi sekiranya seorang itu meletakkan juga sifat-sifat ini pada dirinya ( الكبرياء، والعظمة ) ALLah akan hancurkan dia dan ALLah campakkannya ke dalam api neraka.

Oleh kerana itu Rasulullah SallaLlahu ‘Alaihi Wasallam melarang pemimpin yang menamakan dirinya dengan Shahan Shah atau Malikul Mulk iaitu raja kepada segala raja. Orang yang menamakan dirinya dengan raja segala raja atau Shah kepada segala Shah iaitu pemimpin kepada

semua pemimpin adalah orang yang dilaknat oleh ALLah Subhanahu wa Ta'ala dan RasulNya SallaLlahu 'Alaihi Wasallam. Ini kerana yang menjadi raja segala raja-raja, serta mempunyai keagungan dan kebesaran hanya layak bagi ALLah Subhanahu wa Ta'ala sahaja. Maha suci ALLah daripada apa yang mereka persekutukan. Begitu juga kepada mereka yang mengambil tuhan lain sebagai pelindung dan harapan dengan meletakkan nama-nama kebesaran ALLah kepada makhluk itu. Maka perkara tersebut adalah perbuatan yang menyengutukan ALLah dengan sesuatu yang lain. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman.

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ

**Maksudnya:**

***“Dialah ALLah yang menciptakan, yang mengadakan.”***

(Al Hasyr : 24)

ALLah Ta'ala yang menjadikan dan menciptakan daripada tiada kepada ada. Firman ALLah Ta'ala lagi.

الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

**Maksudnya:**

***“Yang menggambarkan mengikut bentuk yang dikehendakiNya. Baginya segala nama yang paling baik.”***

(Al Hasyr : 24)

Segala nama yang paling baik itu hanya bagi ALLah sahaja. Seterusnya ALLah Ta'ala berfirman.

يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

**Maksudnya:**

*“Mengucap tasbih kepadaNya (ALLah) apa-apa yang ada di langit dan di bumi. Dan Dialah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”*

(Al Hasyr : 24)

Abu Hurairah menyatakan:

سَأَلْتُ خَلِيلِي أَبَا الْقَاسِمِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
عَنْ اسْمِ الْأَعْظَمِ فَقَالَ، يَا أَبَا هُرَيْرَةَ عَلَيْكَ بِآخِرِ سُورَةِ الْحَشْرِ  
فَأَكْثَرُ قِرَاءَتِهَا.

**Maksudnya:**

"Aku telah bertanya kepada kekasihku Abu Qassim (RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam) tentang Nama ALLah yang paling besar."

RasuluLlah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam bersabda "Wahai Abu Hurairah, kamu hendaklah selalu dengan akhir suratul Hasyr dan perbanyakkanlah membacanya."

Ini adalah ( اسْمِ الْأَعْظَمِ ) nama ALLah yang Maha Besar. Oleh itu kita hendaklah sentiasa membacanya.

Apabila Abu Hurairah bertanya lagi. Maka Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam menyatakan lagi sebanyak tiga kali. Supaya Abu Hurairah membaca dengan suratul Hasyr. Berkata Jabir bin Zaid:

إِنَّ اسْمَ اللَّهِ الْأَعْظَمِ هُوَ اللَّهُ لِمَكَانِ هَذِهِ الْآيَةِ

**Maksudnya:**

“Sesungguhnya nama ALLah yang Maha Besar ialah ALLah. Itulah dia tempat kepada ayat ini. Daripada Anas bin Malik pula bahawa Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْحَشْرِ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ.

**Maksudnya:**

“Sesiapa yang membaca suratul Hasyr, maka ALLah Ta'ala mengampunkan apa yang terdahulu daripada dosanya dan yang terkemudian.”

Dari Abu Umamah bahawa Rasulullah SallaLlahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:


مَنْ قَرَأَ خَوَاتِمَ سُورَةِ الْحَشْرِ فِي لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ فَقَضَبَهُ اللَّهُ فِي تِلْكَ اللَّيْلَةِ أَوْ ذَلِكَ الْيَوْمِ فَقَدْ أَوْجَبَ اللَّهُ الْجَنَّةَ.

**Maksudnya:**

**“Sesiapa yang membaca penutup suratul Hasyr sama ada di waktu malam ataupun siang. Lalu ALLah Ta’ala mencabut nyawanya pada malam itu atau pun pada hari itu. Maka sesungguhnya ALLah Ta’ala telah memastikan kepadanya syurga.”**

Inilah kelebihan surah ini dan kelebihan ayat-ayat yang akhir pada surah ini kerana menyebut nama-nama ALLah yang sangat mulia.

**WALLAHU ‘ALAM**



TA